**Instrumen Pentaksiran**

| | | |
|---|---|---|
| **Kod** | **:** | **1103/2** |
| **Markah** | **:** | **120** |
| **Masa** | **:** | **2 jam 30 minit** |

**Reka Bentuk Instrumen Pentaksiran**

Mempunyai 4 soalan – semua soalan mesti dijawab.

| | | |
|---|---|---|
| Soalan 1 | : | Rumusan - 30 markah |
| Soalan 2 | : | Pemahaman - 35 markah<br>(Petikan umum, Prosa Moden, Prosa Klasik dan Puisi Moden/Klasik) |
| Soalan 3 | : | Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa - 30 markah |
| Soalan 4 | : | Novel - 15 markah |

## BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Melayu 1103/2 mengandungi empat soalan:

Soalan 1 - Rumusan
Soalan 2 - Pemahaman
Soalan 3 - Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
Soalan 4 - Novel

Calon diberi masa dua jam tiga puluh minit dan wajib menjawab semua soalan.

## PRESTASI KESELURUHAN

Kualiti jawapan calon pada keseluruhannya pada tahap baik. Calon dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Jawapan calon memenuhi kehendak atau tugasan soalan. Pada amnya calon dapat menguasai sistem ejaan Bahasa Melayu. Penguasaan aspek tatabahasa dan pembinaan ayat juga dikuasai oleh calon dengan baik. Calon juga dapat menguasai aspek komponen sastera dengan baik. Penyampaian jawapan calon menunjukkan kematangan berfikir dalam kalangan calon dan isi yang dikemukakan jelas mengikut kehendak soalan.

## PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

### Kumpulan tinggi

Calon mengemukakan jawapan yang menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan terperinci, jelas dan tepat. Jawapan mudah difahami kerana persembahan jawapan yang lancar dan menggunakan bahasa yang gramatis serta kesalahan bahasa yang minimum.

### Kumpulan sederhana

Jawapan masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa.

### Kumpulan rendah

Calon hanya menjawab beberapa soalan. Jawapan pula tidak tepat atau samar-samar serta bercampur aduk. Terdapat jawapan yang menyimpang daripada kehendak sebenar soalan. Penyampaian kurang lancar dan kurang tersusun serta mengandungi banyak kesalahan ejaan dan tatabahasa. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk memahami maksud jawapan sebenar yang ditulis.

## PRESTASI TERPERINCI BAGI SETIAP SOALAN

### Soalan 1 (rumusan)

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 *markah*]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang* **kepentingan hutan bandar** *dan* **cara-cara mengekalkan hutan bandar.** *Panjangnya rumusan hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Kawasan bandar merupakan penyumbang utama pembebasan gas karbon dioksida yang menjadi punca utama pencemaran udara. Oleh itu, kewujudan hutan bandar penting bagi mengurangkan masalah ini. Hutan bandar merupakan tumbuh-tumbuhan yang sedia ada dan juga pokok-pokok yang ditanam *secara sistematik* di persekitaran bandar. Hutan bandar berperanan untuk menyediakan kawasan hijau yang berkualiti bagi mengimbangi binaan batu dan struktur lain yang mendominasi landskap bandar.

Hutan bandar berfungsi untuk mengurangkan kesan negatif akibat kemerosotan kualiti alam sekitar di kawasan bandar. Ketika ini, hutan bandar menjadi semakin relevan dan sangat berpotensi untuk mengurangkan masalah pencemaran udara. Di samping itu, masalah pemanasan global juga dapat dikurangkan melalui penghutanan bandar. Pokok pinggiran jalan yang ditanam pula dapat dijadikan peneduh daripada panas matahari. Namun demikian, pemilihan pokok yang sesuai perlu diambil kira oleh pihak berkuasa tempatan. Umpamanya, penanaman pokok palma, walaupun cantik, tidak membawa banyak faedah sebagai peneduh kerana saiz kanopinya yang kecil berbanding dengan pokok-pokok besar yang lain. Begitu juga pokok angsana, walaupun rendang tetapi dahannya mudah patah dan membahayakan orang ramai.

Pada masa yang sama, pokok besar yang ditanam di sekitar bandar seperti *Khaya senegalensis* dan *Samanea saman* berfungsi untuk menyerap gas karbon dioksida di atmosfera. Karbon dioksida yang diserap berubah ke bentuk biojisim yang disimpan sebagai karbon sama ada di bahagian akar atau di bahagian batang, daun dan dahan. Peranan utama pokok yang menjadi penyumbang kepada perhutanan bandar adalah untuk mengurangkan masalah perubahan iklim. Hal ini demikian kerana pokok yang ada di sesuatu kawasan bandar dipercayai dapat memberikan sumbangan bukan sahaja di kawasan bandar tersebut bahkan di peringkat global. Oleh itu, hutan bandar sememangnya penting dalam melengkapkan ekosistem bandar.

Berbeza dengan hutan hujan tropika yang berfungsi untuk mengurangkan kerosakan tanah, menyediakan sumber makanan dan perlindungan kepada pelbagai jenis haiwan, hutan bandar pula dapat meminimumkan kerosakan akibat hakisan tanah. Hal ini disebabkan kewujudan hutan bandar sedikit sebanyak telah dapat menangani masalah kejadian tanah runtuh di kawasan bandar. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi menjamin pengekalan pokok besar yang sedia ada di kawasan bandar. Usaha ini penting demi meningkatkan kualiti udara di bandar di samping manfaatnya terhadap alam sekitar secara keseluruhan.

Dipetik dan diubah suai daripada,<br>'Hutan Bandar'<br>oleh Ahmad Azaruddin Mohd Noor dan Adnan Mohammad,<br>*Dewan Kosmik*, Jun 2011

Soalan ini meminta calon menghasilkan rumusan yang terdiri daripada isi pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

**PENDAHULUAN**

> Petikan membincangkan signifikan hutan bandar di Malaysia.

Calon berjaya mengemukakan isi pendahuluan yang lengkap dan tepat. Pendahuluan calon merangkumi kepentingan hutan bandar di negara kita secara menyeluruh. Ayat yang digunakan gramatis dan tidak menggunakan soalan sebagai jawapan. Jawapan pendahuluan dapat menggambarkan keseluruhan isi dalam petikan rumusan yang diberikan. Kematangan jawapan calon terserlah.

> Petikan membincangkan peranan hutan bandar

Berdasarkan contoh dapat memahami kata tugas dalam soalan namun tidak dapat mengemukakan isi pendahuluan dengan lengkap. Jawapan calon kategori ini hanya dapat mengemukakan sebahagian jawapan sahaja untuk isi pendahuluan. Oleh itu jawapan calon kategori ini dianggap umum dan tidak dapat menggambarkan keseluruhan isi dalam petikan rumusan. Tidak terdapat kesalahan tatabahasa atau ejaan.

> sebab-sebab kepentingan hutan bandar dan sebab-sebab mengekalkan hutan bandar.

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak dapat memahami kehendak soalan untuk isi pendahuluan. Mereka masih menyalin semula soalan rumusan sebagai isi pendahuluan. Ini tidak dapat menggambarkan apa yang terkandung di dalam petikan rumusan yang diberikan. Ayat yang digunakan tidak berapa gramatis. Kesalahan tatabahasa amat nyata.

> kepentingan - kepentingan hutan bandar termasuklah menyediakan kawasan hijau yang berkualiti bagi mengimbangi binaan batu dan struktur lain yang mendominasi landskap bandar. Selanjutnya, hutan bandar dapat mengurangkan kesan negatif akibat kemerosotan kualiti alam sekitar di kawasan bandar. Hutan bandar dapat mengurangkan masalah pencemaran udara. Selain itu, hutan bandar mengurangkan pemanasan global. Hutan bandar juga dapat mengurangkan masalah perubahan iklim. Hutan bandar penting dalam melengkapkan ekosistem bandar.

Bagi isi yang tersurat, calon cemerlang dapat memahami kehendak tugasan soalan untuk mengemukakan isi kepentingan hutan bandar. Calon kategori ini berjaya menjawab enam isi tersurat sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan. Ayat yang digunakan gramatis dan bebas daripada kesalahan tatabahasa. Isi tersurat yang dikemukakan berturutan dan mempunyai kesinambungan isi ayat yang sempurna daripada isi pertama sehingga isi tersurat yang keenam. Susunan isi menunjukkan kematangan calon cemerlang.

> Antara peranan hutan bandar adalah untuk mengurangkan kesan negatif akibat kemerosotan kualiti alam sekitar di kawasan bandar. Di samping itu, masalah pemanasan global juga dapat dikurangkan melalui penghutanan bandar. Selain itu, pokok yang menjadi penyumbang kepada perhutanan bandar berperanan mengurangkan masalah perubahan iklim. Tambahan pula, pokok besar yang ditanam di sekitar bandar berfungsi untuk menyerap gas karbon dioksida di atmosfera. Seterusnya,

Calon kumpulan sederhana tidak dapat mengemukakan isi tersurat sepenuhnya. Jawapan yang diberikan oleh calon dalam kelompok ini lazimnya hanya dapat mengemukakan tiga atau empat isi tersurat sahaja. Isi yang dikemukakan tidak berturutan. Ada ayat dalam petikan yang disalin tetapi sebenarnya bukan isi dan tidak relevan dengan kehendak soalan. Ayat yang digunakan masih gramatis dan tiada kesalahan tatabahasa.

> Antaranya hutan bandar menjadi semakin relevan dan sangat berpotensi untuk mengurangkan masalah pencemaran udara. Di samping itu, masalah pemanasan global juga dapat dikurangkan melalui penghutanan bandar. Seterusnya, penanaman pokok palma, walaupun cantik, tidak membawa banyak faedah sebagai peneduh kerana saiz kanopinya yang kecil berbanding dengan pokok-pokok besar yang lain.

Bagi kategori calon kumpulan rendah, jawapan menunjukkan calon kurang memahami kehendak soalan berkaitan kepentingan hutan bandar. Mereka gagal memahami sepenuhnya petikan yang diberikan. Jawapan yang dikemukakan hanya sebahagian sahaja. Calon hanya menyalin ayat daripada petikan yang tiada kaitan dengan kepentingan hutan bandar. Ayat yang digunakan kurang gramatis. Banyak terdapat kesalahan tatabahasa.

Cara-cara mengekalkan hutan bandar termasuklah pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang tentang hutan bandar. Selain itu, pihak kerajaan menganjurkan kempen kesedaran tentang pengekalan hutan bandar.

Contoh jawapan yang baik ini dapat mengemukakan isi tersirat berhubung cara-cara mengekalkan hutan bandar. Lazimnya calon kelompok ini dapat mengemukakan dua isi tersirat yang tepat. Calon dapat membaca dan mentafsir di sebalik isi yang tersurat. Calon berjaya menjawab dengan idea aras tinggi. Jawapan dalam bahasa yang gramatis tanpa kesalahan tatabahasa. Jawapan calon kumpulan ini menunjukkan kematangan menjana idea.

Cara-cara untuk mengekalkan hutan bandar ialah masyarakat bandar haruslah menggelakkan perbuatan vandalisme yang boleh menghancurkan hutan bandar. Selain itu, masyarakat bandar haruslah bekerjasama untuk memelihara hutan bandar.

Calon kategori sederhana ini hanya dapat mengemukakan sebahagian isi tersirat sahaja. Mereka kurang memahami kehendak soalan yang memerlukan isi berkaitan cara-cara mengekalkan hutan bandar. Jawapan hanya dibuat secara umum sahaja. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa masih gramatis.

Antara langkah-langkah ~~yang~~ mengekalkan hutan bandar adalah dengan menanam pokok-pokok secara sistematik di persekitaran bandar. Selain itu, pemilihan pokok yang sesuai perlu diambil kira agar membawa banyak faedah sebagai peneduh.

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak memahami kehendak tugasan soalan. Calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang menunjukkan cara-cara untuk mengekalkan hutan bandar. Jawapan yang diberikan tidak relevan dan hanya menyalin daripada petikan asal dalam petikan.

> Kesimpulannya, semua pihak haruslah berganding bahu menjaga hutan bandar kerana hutan bandar mendatangkan banyak kebaikan supaya melahirkan ~~kawasan yang~~ ekosistem yang seimbang.

Calon dapat mengemukakanjawapan cemerlang apabila memberi isi kesimpulan dengan jelas dan menepati kehendak tugasan. Jawapan ini mengemukakan cadangan yang menepati isi petikan dan kesan atau alasan yang relevan dengan cadangan tersebut. Calon kategori ini dapat mengemukakan kedua-dua elemen atau unsur kesimpulan dengan tepat. Bahasa yang digunakan gramatis.

> kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama menjaga hutan bandar

Walau bagaimanapun, jawapan kumpulan sederhana gagal mengemukakan isi kesimpulan dengan tepat. Calon kategori ini hanya dapat menjawab sebahagian sahaja isi kesimpulan. Kebanyakan jawapan calon kumpulan ini hanya berjaya mengemukakan isi cadangan kesimpulan tanpa menyatakan kesan atau alasan kepada isi cadangan tersebut. Masih terdapat kesalahan ejaan calon dalam kelompok ini. Bahasa yang digunakan masih gramatis.

> usaha ini panting dami maningkatkan kualiti udara di bandar di samping manfaatnya tarhadap alam sakitar sacara kasaluruhan.

Jawapan di atas pada keseluruhannya gagal untuk menjawab kehendak soalan dalam kesimpulan. Calon tidak faham bagaimana hendak membuat kesimpulan berdasarkan kepada petikan yang telah disediakan. Kumpulan calon ini menjawab bagaimana usaha untuk meningkatkan kualiti udara di bandar yang langsung tiada kaitan dengan kehendak soalan apatah lagi dikaitkan dengan alam sekitar. Oleh itu jawapan yang diberikan tidak relevan dengan kehendak tugasan soalan. Kesalahan ejaan dan tatabahasa sangat nyata.

## Soalan 2 : Pemahaman

**Soalan 2(*a*) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan* **Soalan 1**, *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Berikan maksud *secara sistematik.*

(a)(i) Secara sistematik bermaksud dengan teratur.

Calon dapat memberikan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat yang menunjukkan pemahaman calon terhadap rangkai kata yang diuji. Jawapan calon memperlihatkan kematangan calon tentang maksud rangkai kata yang diberi. Calon juga dapat memberikan jawapan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

(i) Maksud secara sistematik ialah secara tersusun .

Jawapan calon pada peringkat ini menunjukkan calon ini tidak memahami sepenuhnya maksud rangkai kata yang diuji. Calon hanya mampu mengemukakan sebahagian sahaja maksud bagi rangkai kata yang diuji.

i). Maksud rangkai kata secara sistematik adalah secara berhemah.

Calon kumpulan rendah tidak berupaya memberikan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat. Calon tidak memahami maksud rangkai kata yang diuji. Terdapat calon yang menggunakan semula perkataan yang diuji sebagai sebahagian daripada jawapan.

**Soalan 2(a) ii**

(ii) Pengarang ada menyatakan beberapa fungsi hutan hujan tropika.
Nyatakan fungsi-fungsi tersebut.

(ii) Fungsi -fungsi hutan hujan tropika adalah untuk mengurangkan kerosakan tanah. Selain itu, hutan hujan berfungsi menyediakan sumber makanan kepada pelbagai jenis haiwan. Di samping itu, hutan hujan tropika juga menjadi tempat perlindungan kepada pelbagai jenis haiwan.

Calon memahami kehendak tugasan soalan dengan mengenal pasti jawapan berdasarkan petikan. Calon mampu memberikan isi yang cukup malahan lebih daripada yang diperlukan. Jawapan calon juga tersusun, sistematik dan kemas. Calon dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan bahasa dan ayat yang gramatis.

kerosakan tanah berlaku semakin berkurang dan dapat melengkapkan ekosistem bandar sebagai peneduh daripada cahaya matahari

Berdasarkan jawapan di atas, calon hanya mampu memberikan sebahagian sahaja isi daripada kehendak tugasan yang diberikan. Calon juga sekadar mengambil ayat-ayat yang terdapat dalam petikan soalan yang diberi. Bahasa dan ayat yang digunakan oleh calon juga kurang gramatis.

(ii) fungsi hutan sebagai tempat hidupan binatang liar dan akan menjadi daya tarikan pelancong ke negara ini. Ekosistem hutan lebih terjaga.

Walau bagaimanapun, jawapan di atas menunjukkan calon tidak berupaya menjawab tugasan yang diberi dengan tepat. Calon tidak memahami kehendak soalan. Isi-isi yang diberi tidak relevan dengan tugasan soalan. Terdapat calon yang mengemukakan pendapat sendiri sebagai jawapan mereka, sedangkan jawapan sebenar terdapat dalam petikan. Isi

yang diberi tidak tepat dengan kehendak soalan serta ayat yang digunakan juga tidak gramatis.

**Soalan 2(a) iii**:

(iii) Usaha-usaha memupuk semangat cinta akan hutan perlu bermula pada peringkat sekolah.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memupuk semangat tersebut?

iii) Usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memupuk semangat cinta akan hutan pada peringkat sekolah ialah mengadakan kempen kesedaran mengenai kebaikan hutan. Selain itu, menubuhkan kelab ~~untuk~~ pemeliharaan hutan. Di samping itu, guru-guru perlulah mengadakan aktiviti kokurikulum di hutan. Akhir sekali, guru-guru perlulah menceritakan keindahan yang terdapat dalam hutan.

Calon memahami kehendak tugasan soalan yang diberi dengan memberikan isi-isi yang mencukupi. Terdapat juga calon yang mampu mengemukakan isi-isi melebihi dari yang diperlukan oleh kehendak soalan. Ayat yang digunakan juga sangat gramatis.

(iii) Pada pendapat saya, antara usaha yang perlu dilakukan untuk memupuk semangat cinta akan hutan ialah pihak kerajaan ~~haru~~ boleh mengadakan kempen "cinta akan hutan" di seluruh negara Malaysia. Pihak berkuasa juga mengadakan ceramah tentang kepentingan hutan di negara kita. Pihak sekolah harus memberikan pendidikan Moral kepada pelajar agar pelajar-pelajar menghargai sumber hutan. Ibu bapa harus memberikan didikan agama kepada anak-anak mereka supaya melahirkan semangat cinta akan hutan. Masyarakat harus sedar bahawa kepentingan hutan kepada manusia.

Calon hanya mampu mengemukakan sebahagian sahaja isi jawapan yang diperlukan oleh kehendak soalan. Pendapat yang diberikan oleh calon kurang tepat dan bahasa yang digunakan juga kurang gramatis.

iii) Pada pendapat saya ibu bapa perlu menanam pokok yang banyak berdepan rumah sebagai idola kepada anak-anak. Seterusnya, ibubapa perlu mempraktikan anak-anak supaya menanam pokok dan nasihat mereka tentang kepentingnya.

Calon tidak mampu mengemukakan pendapat tentang kehendak tugasan yang diberikan. Jawapan calon tidak menggambarkan isi jawapan yang diperlukan. Bahasa yang digunakan juga tidak gramatis.

**Soalan 2(b) i**:

**Soalan 2(*b*) – Petikan Prosa Moden**

***Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.***

"Lebih baik daripada kau yang liar tu," sambung Israk membela diri sekali gus menggelapkan lagi warna merah di jiwa Mikraj.

"Kalau abang kata saya liar, abang tu lagi liar. Akar hati abang ke sana ke mari mencari kesalahan orang. Pucuk hati abang pula menari tanda riak, ujub, sombong, berlagak!" Bom radang Ghaza dilepaskannya.

"Hii, mengapa gaduh-gaduh ni! Adik-beradik tidak manis bertikam lidah. Kata orang tua-tua carik-carik bulu ayam bercantum jua akhirnya. Tapi, kamu berdua ni bila nak bercantum?" Wah mula masuk campur.

Israk dan Mikraj terpempan.

"Wah tahu, kamu berdua bertekak fasal Wah, bukan? Wah sedar siapa diri Wah. Wah tinggal di kampung, rumah buruk, tapi kamu tinggal di kediaman mewah. Setiap hari kamu lihat pencakar langit, tapi di sini cuma ada pokok yang mencakar langit. Kamu makan yang enak-enak, tapi di sini Wah hanya makan makanan tradisional, tak sedap pada kamu. Wah sedar Israk selesa dengan keadaan seperti itu. Wah tahu ...."

Wah memandang cucu-cucunya. Kuyu mata Wah, tetapi tentu kuyu lagi jiwa dan raganya.

Dipetik daripada cerpen 'Israk'<br>oleh Erda Roslan Khairi<br>dalam antologi *Harga Remaja*,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Nyatakan perbezaan-perbezaan kehidupan antara Wah di kampung dengan cucu-cucunya di bandar.

> i). Perbezaan – perbezaan kehidupan antara wah di kampung dengan cucu-cucunya di bandar ialah rumah buruk dengan kediaman mewah. Selain itu, wah di kampung makanan tradisional, di sana makan yang enak-enak. Akhir sekali, di bandar setiap hari mereka lihat pencakar langit, tapi di kampung pokok yang mencakar langit.

Calon dapat mengemukakan perbezaan-perbezaan kehidupan antara Wah di kampung dengan cucu-cucunya di bandar dengan memberikan isi-isi yang secukupnya. Bahasa yang digunakan oleh calon juga sangat gramatis.

> i) perbezaan kehidupan antara wah dengan cucu-cucunya dibandar cucu-cucunya sombong dan berlagak. Wah tinggal rumah buruk dan cucunya tinggal kediaman mewah.

Jawapan menunjukkan sebahagian isi sahaja tentang perbezaan kehidupan antara Wah di kampung dengan cucu-cucunya di bandar. Terdapat juga calon yang mampu memberikan isi-isi yang diperlukan dengan secukupnya, namun bahasa yang digunakan pula kurang gramatis.

> i) perbezaan mereka cucu-cucunya liar, sombong dan berlagak. Cucu-cucunya suka bergaduh kerana perkara-perkara kecil. Wah sangat sayangkan cucu-cucunya.

Calon tidak mampu memberikan dengan tepat perbezaan-perbezaan kehidupan antara Wah di kampung dengan cucu-cucunya di bandar. Calon sekadar memetik beberapa petikan ayat dalam petikan untuk dijadikan sebagai jawapan mereka. Bahasa yang digunakan juga kurang gramatis.

**Soalan 2(b) ii**:

(ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang patut dilakukan oleh Israk dan Mikraj untuk meredakan perselisihan faham antara mereka?

(ii) Pada pendapat saya, tindakan -tindakan yang patut dilakukan oleh Israk dan Mikraj untuk meredakan perselisihan faham antara mereka adalah salah seorang daripada mereka perlu beralah. Selain itu, salah seorang daripada mereka haruslah meminta bantuan orang tua bagi meredakan keadaan tersebut. Di samping itu, salah seorang daripada mereka boleh beredar daripada tempat tersebut untuk tidak menambahkan lagi perselisihan faham antara mereka.

Calon menunjukkan kematangan dalam mengemukakan pendapat. Calon dapat mengemukakan pendapat dengan memberikan isi yang tepat seperti kehendak soalan. Bahasa yang digunakan juga sangat gramatis.

(ii) Pada pendapat saya, tindakan -tindakan yang patut dilakukan oleh Israk dan Mikraj untuk meredakan perselisihan faham antara mereka ialah salah seorang daripada mereka haruslah mengalah. Selain itu, Israk seharusnya berfikiran terbuka untuk menerima nasihat Mikraj. Selain itu, Israk ~~kedua-duanya~~ ~~tidak~~ seharusnya menghargai nenek mereka dan tidak menunjukkan sifat keegoannya.

Jawapan yang diberikan tidak tepat mengikut soalan. Pendapat calon tentang tugasan yang diberikan tidak menunjukkan kematangan mereka. Bahasa yang digunakan juga kurang gramatis.



ii) Pada pendapat saya, tindakan tindakan yang patut dilakukan oleh Israk dan Mikraj untuk meredakan perselisihan faham antara mereka ialah mereka seharusnya melupakan masa bersama. Selain itu, mereka seharusnya menjaga pertuturan mereka. Akhir sekali, mereka sepatutnya saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Calon tidak mampu mengemukakan pendapat dengan tepat tentang tugasan yang diberikan. Jawapan calon tidak menggambarkan isi tugasan yang dikehendaki. Bahasa yang digunakan calon juga kurang gramatis.

**Soalan 2(b) iii**:

(iii) Jelaskan **satu** perwatakan Wah yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** perwatakannya yang lain daripada keseluruhan cerpen itu.



iii) Satu perwatakan Wah yang terdapat dalam petikan cerpen di atas ialah Wah seorang tua yang rendah diri. Contohnya, Wah ~~memberitahu~~ mengaku semua kesiapan kampungnya membanggakan berbanding dengan bandar. Satu perwatakannya yang lain daripada keseluruhan cerpen itu ialah Wah seorang yang bertanggungjawab, contohnya, Wah sering meleraikan pergaduhan cucu-cucunya.

Perwatakan Wah dalam jawapan ini dapat diberikan lengkap dengan huraian berdasarkan dalam petikan dan dalam keseluruhan cerpen. Bahasa yang digunakan calon sangat gramatis.

iii). Sat perwatakan Wah yang terdapat dalam petikan ~~cepe~~ cerpen di atas ialah penyayang. Contohnya, Wah berasa sedih selepas sedar israk tidak selesa tinggal sama dengan wah di kampung. Sat perwatakannya yang lain daripada keseluruhan cerpen ialah sikap menolong. Contohnya, Wah selamatkan nyawa israk tanpa mengira keselamatan diri melompat dalam sungai untuk menyelamatkan nyawa Israk.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu memberikan sebahagian sahaja isi bagi tugasan yang diuji. Huraian isi yang diberikan juga tidak menggambarkan perwatakan watak yang diuji. Bahasa yang digunakan juga kurang gramatis

(iii) Satu perwatakan Wah yang terdapat dalam petikan cerpen di atas ialah Wah seorang yang ~~baik hati~~ bijaksana. Sebagai contoh, Wah telah menyelesaikan perselisihan faham antara Mikraj dan Israk. Satu perwatakan Wah yang terdapat dalam keseluruhan cerpen ialah Wah seorang yang sanggup berkorban. Sebagai contoh, Wah ~~te~~ sanggup ~~+~~ mengorbankan nyawanya untuk menyelamatkan Israk yang terjatuh dalam sungai.

Calon berprestasi rendah tidak dapat memberikan jawapan berdasarkan kehendak tugasan. Isi yang diberi tidak dihuraikan dengan betul dan bahasa yang digunakan tidak gramatis.

**Soalan 2(c) i**:

**Soalan 2(*c*) – Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Syahadan maka baginda pun bertanya, "Hai Indera Jenaka, manatah Si Piatu itu sekarang ini?"

Maka sembah Indera Jenaka itu, "Ya tuanku, adapun Si Piatu itu bukankah akan namanya benar dan namanya yang benar Indera Nata kerana sekalian mergastua yang di dalam hutan menyebut namanya Indera Nata. Arakian maka adalah Indera Nata itu sudahlah ia menyeberang lautan dibawa oleh lembur kehendaknya ke negeri Pattani, ya Tuanku Syah Alam. Adapun Indera Nata itu terlalu sekali beraninya dan beberapa ia bertemu dengan *mergastua yang buas-buas* itu pun tiada memberi bahaya akan dia dan jika tiada dengan Indera Nata itu nescaya matilah hamba dimakan oleh segala binatang. Maka hamba pun terlalu sekali hairan melihat kelakuannya itu kerana sangat ia berani dengan segala binatang itu adalah ia berkata-kata seperti ia berkata dengan manusia juga. Maka hamba pun terlalu takut melihat kelakuannya itu."

Hatta maka raja pun hairan mendengar ceteranya Indera Nata itu, "Wah, anak siapakah gerangan itu maka terlalu ia sangat beraninya dan bijaksana itu!"

Dipetik daripada
'Hikayat Indera Nata'
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud *mergastua yang buas-buas*.

(i) Mergastua yang buas-buas bermaksud binatang-binatang yang berbahaya dan ganas.

Calon dapat memberikan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat yang menunjukkan pemahaman calon terhadap rangkai kata yang diuji. Calon juga dapat memberikan jawapan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

i) maksud mergastua yang buas-buas ialah binatang yang buas.

Jawapan ini menunjukkan calon tidak memahami sepenuhnya maksud rangkai kata yang diuji. Calon hanya mampu mengemukakan sebahagian sahaja maksud bagi rangkai kata yang diuji.

(i) Maksud "mergastua yang buas-buas" ialah raksasa yang garang.

Calon tidak berupaya memberikan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat. Calon tidak memahami maksud rangkai kata yang diuji. Terdapat calon yang menggunakan semula perkataan yang diuji sebagai sebahagian daripada jawapan.

**Soalan 2(c) ii**:

**(ii) Apakah keistimewaan-keistimewaan Indera Nata?**

(ii) Keistimewaan Indera Nata ialah Indera Nata terlalu beranı. Dia tidak menghadapi sebarang kebahayaan apabila bertemu dengan mergastua yang buas-buas itu. Indera Nata boleh berkata-kata dengan segala binatang seperi berkata-kata dengan manusia. Tuanku Syah Alam membawa Indera Nata menyeberang lautan ke negeri Pattani.

Calon memahami kehendak tugasan soalan dengan mengenal pasti jawapan yang terdapat dalam petikan. Calon mampu memberikan isi yang cukup malahan lebih daripada yang diperlukan. Jawapan calon juga tersusun, sistematik dan kemas. Calon dapat mengemukakan jawapan dengan bahasa yang gramatis.

(ii) Antara keistimewaan Indera Nata ialah beliau seorang yang barani. Selain itu, beliau juga dapat berkata-kata kepada binatang. Beliau juga mampu menyeberang lautan mengikut kehendaknya.

Jawapan ini hanya menunjukkan sebahagian sahaja isi daripada kehendak tugasan yang diberikan. Ayat yang digunakan oleh calon juga kurang gramatis. Terdapat calon yang menyalin semula ayat-ayat dari petikan tanpa mengubahnya ke dalam bahasa moden.

ii) keistimewaan Indera Nata hamba pun terlalu sekali hairan melihat kelakuannya itu kerana sangat ia berani dengan segala binatang itu adalah ia berkata-kata seperti ia berkata dengan manusia juga.

Calon tidak berupaya menjawab tugasan yang diberi dengan tepat. Calon tidak memahami kehendak soalan. Isi-isi yang diberi tidak relevan dengan tugasan soalan. Calon hanya menyalin semula baris-baris ayat dalam petikan soalan yang diberi.

**Soalan 2(c) iii**:

(iii) Sekiranya anda raja, apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan Indera Nata berkhidmat dengan kerajaan anda?

(iii) Sekiranya saya seorang raja, tindakan yang saya akan lakukan untuk memastikan Indera Nata berkhidmat dengan kerajaan saya adalah menawarkan beliau dengan harta dan pangkat. Selain itu, saya akan memberi beliau segala kemudahan dan kemewahan sepanjang hidupnya. Saya juga akan menerima dan mengabulkan segala pem permintaan yang beliau inginkan. Di samping itu, saya akan melantik beliau menjadi pembesar yang lebih tinggi pangkat dan darjatnya.

Calon dapat memberikan pendapat dengan mengemukakan isi-isi yang mencukupi seperti kehendak dalam tugasan soalan. Bahasa yang digunakan calon juga sangat gramatis.


(iii) sekiranya saya raja, saya akan memastikan Indera Nata berkerja dengan kerajaan saya ialah menjemputnya untuk ke istana.dan menjamunya dengan makanan yang lazat-lazat.

Calon hanya mampu memberikan sebahagian pendapat sahaja dari isi yang diperlukan berdasarkan kehendak tugasan yang diberi. Pendapat yang dikemukakan oleh calon juga tidak menggambarkan kematangan calon menjawab soalan tugasan yang diberikan. Ayat yang digunakan oleh calon juga kurang gramatis.


(iii) Sekiranya saya raja, tindakan yang akan saya lakukan untuk memastikan Indera Nata berkhidmat dengan kerajaan saya ialah menyuruh orang yang dapat dipercayai untuk memeriksa kelakuan seharian Indera Nata. Saya juga akan berkomunikasi dengan Indera Nata untuk menguji kesetiaannya. Selain itu, saya akan memberi sesuatu kerja kepada Indera Nata untuk menguji kuasa dan kesetiaannya.

Calon tidak berupaya memberikan pendapat terhadap tugasan yang diberikan dengan tepat. Calon langsung tidak memahami kehendak soalan. Isi-isi yang diberi tidak dihuraikan secara menyeluruh. Ayat yang digunakan juga tidak gramatis.

**Soalan 2(d) i**:

**Soalan 2(*d*) – Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Dirgahayu Bahasaku**

Tempatmu di singgahsana
hati nurani bangsaku
warga yang berbudi
setia dan amanah.

Bahasa itu maruah bangsa
yang mesti dipelihara martabatnya
agar tetap kukuh dan ampuh
melayari lautan bijaksana
salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku
hak bangsaku memilikimu
hak bangsaku mendaulatkanmu
di bumi bertuah ini
merentas dunia tak bertepi.

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan
ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan
gagah pelautku membelah lautan
ke utara dan ke selatan bahasaku mencengkam
dari pulau ke pulau menggilap mutiara silam.

Dirgahayu bahasaku
di arena antarabangsa suaramu tumbuh
menusuk kalbu lagu bahasamu
bahasamu bahasa minda
mudah akrab dan bertatasusila
daripada bangsa yang bernama Melayu
menempa kejayaan di alaf baru.

(September 2000)

**Ahmad Sarju**
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Nyatakan **dua** kepentingan bahasa Melayu seperti yang digambarkan dalam sajak tersebut.


(i) Dua kepentingan bahasa Melayu ialah bahasa melayu sebagai maruah bangsa yang harus dipelihara. Selain itu, bahasa Melayu memainkan fungsi sebagai penjalin persaudaraan sesama manusia.

Calon dapat memberikan dua kepentingan bahasa Melayu seperti yang dikehendaki oleh kehendak tugasan dalam soalan. Malah terdapat calon yang mampu memberikan lebih dari dua isi yang diperlukan. Bahasa yang digunakan oleh calon juga sangat gramatis.


i). Dua kepentingan bahasa melayu seperti yang digambarkan ~~dalam~~ ialah bahasa itu maruah bangsa. Selain itu, bahasa diingin sebagai minda mudah akrab dan bersopan.

Calon hanya mampu memberikan sebahagian sahaja jawapan yang bertepatan dengan kehendak tugasan dalam soalan. Calon tidak dapat mengesan kedudukan isi jawapan dalam petikan sajak yang diberi. Bahasa yang digunakan juga kurang gramatis.


(i) kepentingan bahasa Melayu dapat menunjukkan kehebatan bangsa Melayu sebagai pelaut yang hebat. Selain itu bahasa diingin sebagai minda mudah akrab dan bersopan.

Calon tidak dapat memberikan isi-isi yang dikehendaki berdasarkan kehendak tugasan soalan. Calon hanya sekadar menyalin baris-baris sajak yang difikirkan sebagai jawapan. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan berdasarkan kepada pendapat mereka sendiri tanpa merujuk puisi. Bahasa yang digunakan tidak gramatis.

**Soalan 2(d) ii**:


(ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu dikenali pada peringkat antarabangsa?


(ii) Pada pendapat saya, antara usaha yang perlu dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu dikenali pada peringkat antarabangsa adalah dengan kerajaan melaksanakan program pertukaran pelajar antarabangsa agar pelajar-pelajar dari luar negara dapat mempelajari bahasa Melayu yang akan ~~dipela~~ diajar oleh pelajar-pelajar Melayu. Selain itu, kita juga dapat memuat naik video-video tentang keindahan bahasa Melayu ke dalam laman sesawang yang popular seperti youtube agar dapat menarik minat ~~orr orang or~~ orang-orang dari luar negara untuk mempelajari bahaso Melayu.

Calon dapat memberikan pendapat tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu dikenali pada peringkat antarabangsa dengan betul dan menepati dengan kehendak tugasan soalan. Bahasa yang digunakan oleh calon juga sangat gramatis.


(ii) Pada pendapat saya, usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu dikenali pada peringkat antarabangsa ialah menyertai pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa. Selain itu menerbitkan sebuah rancangan televisyen yang berbahasa Melayu yang dapat ditonton oleh semua bangsa di seluruh dunia.

Calon hanya mampu memberikan sebahagian pendapat sahaja dari isi yang diperlukan dari kehendak tugasan yang diberi. Pendapat yang dikemukakan oleh calon juga tidak menggambarkan kematangan calon menjawab soalan tugasan yang diberi. Ayat yang digunakan oleh calon juga kurang gramatis.


ii) Pada pendapat saya, usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menjadikan bahasa melayu dikenali pada peringkat antara bangsa ialah bahasa melayu dijadikan bahasa pengantar. Selain itu, media elektronik seharusnya mengeluarkan filem-filem yang menarik untuk diimport ke luar negara. Akhir sekali, bahasa melayu seharusnya digunakan di [illegible] dan [illegible] bukan bahasa dipakai

Calon tidak berupaya memberikan pendapat terhadap tugasan yang diberikan dengan betul Calon langsung tidak memahami kehendak soalan. Isi-isi yang diberi tidak dihuraikan secara menyeluruh. Ayat yang digunakan juga tidak gramatis.

**Soalan 2(d) iii**:


iii Dua persoalan yang terdapat dalam puisi tersebut selain persoalan kepentingan bahasa Melayu ialah persoalan berkaitan tentang kedudukan bahasa Melayu di negara ini contohnya memartabatkan bahasa Melayu menjadi tugas semua orang agar bahasa Melayu kekal dan kukuh serta dibanggakan. Selain itu terdapat juga persoalan tentang sejarah kegemilangan bahasa Melayu iaitu bahasa Melayu ~~ini~~ pernah memiliki sejarah kegemilangannya.

Calon berprestasi tinggi dapat memberikan dua persoalan dalam puisi yang lengkap dengan huraian seperti yang dikehendaki oleh kehendak tugasan. Malah terdapat calon yang mampu memberikan lebih dari dua isi yang diperlukan. Bahasa yang digunakan oleh calon juga sangat gramatis.


(iii) Dalam puisi tersebut, terdapat persoalan ~~bertanggunjawab~~
tanggunjawab untuk mempertahankan bahasa Melayu. Contohnya
ialah setiap rakyat perlu mempunyai tanggunjawab untuk
mengenali, memahami ~~supaya~~ bahasa Melayu supaya dapat
menyebarkannya. Selain itu, persoalan lain ialah pentingnya
semangat cinta akan bahasa Melayu. Contohnya ialah setiap
rakyat haruslah berasa bangga dengan bahasa Melayu yang
mulia ini.

Calon hanya mampu memberikan sebahagian sahaja jawapan yang bertepatan dengan kehendak tugasan dalam soalan. Calon juga tidak dapat menghuraikan isi jawapan yang diberi dengan tepat. Bahasa yang digunakan oleh calon juga kurang gramatis.


(ii) Dua persoalan lain yang terdapat dalam puisi tersebut
ialah kepentingan mengenalkan bahasa Melayu.
Contohnya, pengajar mengajar orang ramai supaya
bertutur dalam bahasa Melayu. Selain itu, ~~kepentingan~~
keistimewaan bahasa Melayu. Contohnya, pengajar
menceritakan sejarah perubahan bahasa Melayu.

Calon tidak dapat memberikan isi-isi yang dikehendaki berdasarkan kehendak tugasan soalan. Jawapan calon tidak menggambarkan persoalan yang terdapat dalam puisi. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan dengan memberikan konsep pengajaran dan nilai murni. Bahasa yang digunakan tidak gramatis.

## SOALAN 3

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

*Jawab* **semua** *soalan.*

(*a*) *Tulis* **satu** *ayat bagi setiap* **penjodoh bilangan** *di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

(i) bilah

(ii) jambak

(iii) keping

(iv) pucuk

(v) rawan

(vi) utas

a) i) Pak Cik Amir telah membeli dua bilah pisau yang baru untuk kegunaannya isterinya.

ii) Ayah membeli tiga jambak bunga mawar ~~semena~~ sempena hari jadi ibu.

iii) Kakak memberikan ~~adik~~ beberapa keping biskut kepada ~~d~~ adik.

~~iv) Ahmad mengirimkan dua pucuk surat buat abangnya dan kakaknya yang berada di luar negara~~

v) Pak Ahmad mengambil dua rawan ~~jalang~~ jala yang ditinggalkan di dalam bot.

vi) Hakim menghadiahi isterinya dua utas rantai emas pada majlis perkahwinan mereka.

iv) Ahmad mengirimkan dua pucuk surat untuk abangnya yang berada di luar negara.

Calon memahami maksud dan penggunaan kata dengan baik. Calon berupaya membina ayat yang gramatis. Penggunaan kata dalam ayat tepat dan keterangan yang menjelaskan penggunaan kata jelas dan betul. Tiada kesalahan bahasa dilakukan oleh calon.

(i) Tok Janggut mengeluarkan dua bilah keris untuk mempertahankan diri daripada serangan orang ganas.

(ii) Ahmad telah membeli dua jambak bunga ~~yang~~ untuk dihadiahi ibu dan kakaknya.

(iii) Ayah ~~ti~~ telah makan beberapa keping biskut kerana ~~dat~~ dia sudah lapar.

(iv) Abang telah menghantar beberapa pucuk surat kepada kawan-kawannya.

(v) Cikgu saya meminta saya membina ayat dengan penjodoh bilangan rawan.

(vi) Ibu telah membeli beberapa utas rantai ~~tekar~~ emas kerana harganya yang murah.

Penggunaan kata dalam ayat masih tepat dan keterangan yang menjelaskan penggunaan kata jelas dan betul. Calon berjaya menjawab hanya lima soalan daripada enam soalan yang dikemukakan kerana kegagalan memahami penggunaan kata ***"rawan"(ayat v).*** Ayat masih betul namun calon telah melakukan sedikit kesalahan bahasa ***"untuk dihadiahi ibu"(ayat ii)***

Soalan 3 (a)

1. Bapa ada dua bilah parang.
2. Dia telah jambak dekat kedai itu
3. Satu keping surat dia baca
4. Pucuk daun itu telah mati..
5. Orang itu ada rawan.
6. Kita tahu utas ada pada dia.

Maksud penggunaan kata tersebut tidak dapat difahami. Calon tidak berupaya membina ayat dengan tepat. Ayat yang dibina menggambarkan respon calon terhadap tugasan membina ayat sangat lemah.

**SOALAN 3 (*b*)**

(*b*) *Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS).*

(i) Bunga mawar itu untuk cikgu saya sempena sambutan Hari Guru.

(ii) Tuan Haji Ahmad pengetua di sekolah itu semenjak lima tahun lalu.

(iii) Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawab dalam membela nasib rakyat.

(iv) Blok asrama baharu untuk murid-murid lelaki masih dalam proses pembinaan.

(v) Penyanyi tersohor itu sangat anggun dan bergaya ketika membuat persembahan.

(vi) Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya telah menyediakan laporan aktiviti sempena Bulan Bahasa.

| | |
|---|---|
| (i) | ~~FN + FK~~ FN + FS. |
| (ii) | FN + FN |
| (iii) | FN + FK |
| (iv) | FN + FS |
| (v) | FN + FA |
| (vi) | FN + FK |

Calon memahami soalan pola ayat bahasa Melayu. Calon berupaya mengklasifikasikan pola-pola ayat bahasa Melayu dengan tepat dan betul, seterusnya dapat menyatakan bahagian subjek (FN) dan predikat sama ada FN, FK, FS atau FA dengan tepat. Jawapan calon menggambarkan pemahaman yang baik berkaitan tentang konsep pola ayat.


i. FN + FN
ii. FN + FS
iii FN + FK
iv FN + FA
V. FN + FA
Vi. FN + FK

Calon masih memahami soalan pola ayat bahasa Melayu. Jawapan calon menggambarkan tahap pemahaman calon tidak menyeluruh. Hanya berupaya menjawab sebahagian soalan. Jawapan bahagian subjek (FN) semua aspek dijawab dengan tepat manakala sebahagian jawapan predikat sama ada FN, FK, FS atau FA, calon gagal memberikan jawapan yang tepat dan betul.


i FN + FK
ii FN + FK
iii FN + FA
iv FN + FA
v FN + FS
vi FN + FK

Calon berprestasi rendah tidak memahami konsep pola ayat bahasa Melayu. Jawapan calon menggambarkan tahap pemahaman calon sangat lemah. Keseluruhan aspek jawapan berkaitan pola ayat tidak tepat. Keseluruhannya, jawapan pola subjek(FN) tepat, namun jawapan pola predikat sama ada FN, FK, FS atau FA, kebanyakannya salah yang menyebabkan keseluruhan jawapan bagi setiap soalan tidak diterima.

**SOALAN 3(*c*)**

(*c*) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan ejaan** *dan* **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Pelaksanaan projek memperlebarkan jalan raya merupakan usaha pihak kerajaan untuk menaik taraf insfrastruktur di kawasan luar bandar.

(ii) Mesyuarat ahli jawatan kuasa sambutan Hari Koperasi Sekolah sedang berbincang aktiviti yang akan dilaksanakan pada hari tersebut.

(iii) Pihak swasta turut bertanggungjawab untuk melaksanakan projek membangunkan di tempat-tempat rekriasi yang terdapat di negara kita.

i. memperlebarkan → memperlebar
insfrastruktur → infrastruktur

ii. ahli jawatan kuasa → ahli jawatankuasa
berbincang → membincangkan

iii. membangunkan → pembangunan
rekriasi → rekreasi

Calon dapat mengesan dan mengenal pasti satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan yang terdapat dalam petikan soalan. Calon mampu menjawab semua soalan dengan betul.

| | Salah | Betul |
|---|---|---|
| (I) | Insfrastruktur | infrastrukter |
| | memperlebarkan | melebarkan. |
| (II) | jawatan kuasa | jawatan kuasa |
| | | |
| (III) | rekriasi | rekreasi |
| | membangunkan | pembangunan. |

Calon masih berupaya mengesan dan mengenal pasti satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan yang terdapat dalam petikan soalan. Calon hanya mampu menjawab sebahagian soalan. Sebahagian jawapan masih tepat manakala pada soalan

tertentu calon gagal menjawab soalan dan ada calon langsung tidak memberikan sebarang jawapan.


i. infrastruktur – infratruktur
luar bandar – luarbandar
jalan raya – jalanraya

ii jawatan kuasa – jawatankuasa
berbincang – perbincangan

iii bertangungjawab – bertanggung jawab.
rekriasi – rikreasi

Calon gagal mengenal pasti kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan imbuhan yang diuji berdasarkan petikan. Hal ini demikian kerana penguasaan aspek ejaan dan imbuhan terlalu lemah.

**SOALAN 3(*d*)**

(*d*) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** *dan* **satu kesalahan tatabahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Kerjasama di antara negara rantau ASEAN dalam bidang ekonomi haruslah diketatkan lagi.

(ii) Ibu bapa tidak seharusnya mengabaikan tanggungjawab mendidik anak-anak mereka pada guru semata-mata.

(iii) Penceramah terkenal yang dijemput khas itu telah membacakan ceramahnya dengan begitu berkesan sekali hingga ramai murid-murid menitiskan air mata.

| | |
|---|---|
| i) | di antara – antara. |
| | diketatkan – dieratkan. |
| ii) | mengabaikan – menyerahkan. |
| | pada – kepada. |
| iii) | membacakan – memberikan. |
| | ramai murid-murid – murid-murid. |

Calon berupaya mengesan kesalahan istilah dalam ayat dan menggantikannya dengan perkataan yang lebih tepat penggunaannya. Calon juga dapat mengenal pasti kesalahan tatabahasa dan membetulkan kesalahan itu dengan tepat. Calon dapat menjawab mengikut kehendak soalan dengan betul.

| d. | | kata Istilah | Tatabahasa |
|---|---|---|---|
| | i. | Diperkukuhkan. | Kerjasama Antara |
| | ii. | menyerahkan | kepada |
| | iii. | menyampaikan | di jemput |

Jawapan ini menunjukkan calon masih berupaya mengesan dan mengenal pasti kesalahan istilah yang terdapat dalam ayat dan menggantikannya dengan perkataan yang lebih tepat penggunaannya. Calon juga berupaya mengesan kesalahan tatabahasa dan membetulkannya. Keseluruhannya calon kategori sederhana ini berupaya menjawab

sebahagian soalan sama ada mampu menjawab bahagian istilah atau tatabahasa dan begitulah sebaliknya.

i rantau - serantau
bidang -

ii tangungjawab - tanggung jawab
pada - kepada

iii murid - murid - murid
berkesan - berjaya

Calon tidak dapat mengesan kesalahan penggunaan kata atau istilah. Terdapat juga calon yang berjaya mengesan istilah yang salah namun gagal menggantikan istilah yang salah dengan istilah yang lebih tepat. Calon lemah juga tidak dapat memberikan jawapan kesalahan tatabahasa dengan tepat. Hal ini kerana calon kurang menguasai asas tatabahasa.

**SOALAN 3(*e*)**

(*e*) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*

(i) Sengaja mencari susah atau bahaya.

(ii) Sesuatu yang sudah pasti diperoleh atau dimiliki.

(iii) Orang yang bodoh kalau ada kesungguhan mempelajari sesuatu lama-lama akan pandai juga.

1. Seperti menjolok sarang tebuan.

2. Dalam tangan.

3. Belakang parang diasah lagikan tajam.

Calon dapat mengemukakan peribahasa yang sesuai dan tepat yang sama maksud dengan peribahasa yang diuji. Calon mampu memberi kesemua jawapan dengan tepat.

e. i. umpama menjolok sarang tebuan.

ii. sudah terang Lagi bersuluh.

iii. Belakang parang kalau diasah lagikan tajam.

Calon masih mampu menjawab sebahagian soalan dengan tepat. Secara keseluruhannya calon mampu memberikan peribahasa yang sama dengan soalan bagi soalan 3(*d*) (i) dan 3(*d*) (iii) sahaja dan sukar memberikan jawapan yang tepat bagi soalan 3(*d*) (ii).

(e) (i) Malang tidak berbau

(ii) Menanam tebu di tepi bibir

(iii) Berusaha tangga kejayaan

Calon tidak berupaya memberikan jawapan yang tepat. Calon juga hanya memberikan satu atau dua jawapan sahaja. Malah, masih ada calon yang langsung tidak mampu mengemukakan peribahasa yang tepat. Hal ini menunjukkan bahawa calon berprestasi rendah tidak menguasai aspek peribahasa dalam pembelajaran bahasa Melayu. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan peribahasa yang jauh menyimpang daripada jawapan sebenar seperti yang tercatat dalam peraturan pemarkahan.

## SOALAN 4

### Soalan 4 (a)

**Soalan 4 : Novel**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof

(ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

(iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah

(iv) Renyah karya Gunawan Mahmood

(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

(vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir

(vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

(viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(*a*) Tulis **sinopsis** sebuah novel yang telah anda pelajari.

SOALAN 4 : NOVEL

a) Novel yang telah saya pelajari ialah Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusuf. Cerita ini mengisahkan kehidupan anak ~~ren~~ remaja iaitu Intan Julia yang mempunyai mama iaitu Intan Maliana yang tidak boleh mengandung kerana mempunyai komplikasi ketika mengandungkan Intan Julia. Mama sanggup mengandung kali kedua kerana ingin membahagiakan papa iaitu Jeffri.

Mama disahkan menghidapi komplikasi untuk melahirkan secara normal dan mama memerlukan pembedahan untuk melahirkan anak. Mama melahirkan anak kembar siam yang diberi nama Ahmad dan Muhammad tetapi kedua-duanya meninggal dunia dan mama disahkan koma selepas menjalani pembedahan tersebut.

Papa mengahwini Aisyah iaitu pelajarnya kerana kesunyian ketika mama koma tetapi mendapat tentangan hebat daripada Intan Julia. Papa akhirnya mengahwini Aisyah setelah mendapat keizinan Intan Julia. Mama akhirnya sedar dari~~pada~~ koma tetapi hairan melihat Aisyah dan papa menceritakan tentang Aisyah kepada Mama. Pada akhir cerita, mama meninggal dunia setelah mengetahui siapa sebenarnya Aisyah. Pada ketika itu, ~~D~~ papa telah mengalirkan air matanya.

(a) Novel yang telah saya kaji ialah novel Melunas Rindu karya Hartini Hamzah. Berikut merupakan sinopsis novel ini.

Pada permulaan cerita, Fuad tinggal bersama-sama Pak Ismail dan Mak Salmah yang merupakan keluarga angkatnya. Fuad telah diajar oleh Pak Ismail tentang ilmu agama dan selalu membawa Fuad ke masjid untuk solat berjemaah. Fuad tinggal bersama mereka kerana ingin menebus kesilapannya yang telah membawa lari Setia, anak perempuan Pak Ismail dan Mak Salmah. Fuad kemudiannya ditawarkan menjadi guru sandaran di SMK Seri Setia dan Fuad menerimanya.

Pada pertengahan cerita, Fuad memulakan kerjanya sebagai guru sandaran dan telah berjumpa dengan Farhana iaitu guru Panitia Bahasa Inggeris di SMK Seri Setia. Fuad bekerjasama bersama Farhana meningkatkan prestasi pelajar-pelajar. Kemudian, kedatangan Peter Lim yang mengatakan bahawa ibunya masih hidup menyebabkan beliau semakin runsing.

Pada klimaks cerita, Fuad berusaha mencari ibunya di kampung ibunya dan orang kampung mengatakan mungkin ibunya masih hidup kerana tiada pusara. Fuad semakin bersemangat apabila mendapat tahu ibunya masih hidup. Pada suatu hari, Fuad mengikut Farhana menjenguk ibunya di Hospital Tengku Ampuan Afzan dan beliau terkejut apabila nama ibu Farhana sama dengan nama ibunya. Kedatangan Robert Lim, telah mengesahkan bahawa ibu Farhana merupakan ibu kandungnya. Fuad terpaksa menerima hakikat bahawa dia bersama Farhana merupakan adik beradik kandung.

Pada peleraian cerita, Fuad telah membawa ibu kandungnya, Mariana, Pak Ismail, Mak Salmah pergi menunaikan umrah bersama. Robert Lim turut hadir melihat pemergian mereka dan berpesan kepada Fuad supaya menjaga Mariana dan dia akan menyusul kemudian.

Novel yang telah saya pelajari ialah novel 'Azfa Hanani' karya ~~Amer Hamzah~~ Halis Azhan Mohd Hanafiah.

Novel ini mengisahkan penyamaran seorang gadis, Azfa Hanani. Azfa Hanani tinggal bersama keluarga Pak Long Madi sejak kematian ibu bapanya. Pada suatu hari, dia bertemu dengan Tengku Mazran dan Syafinaz di bilik pengetua, Sekolah Menengah Sri Dian. Azfa Hanani diminta menyamar sebagai Tengku Murni, iaitu adik Tengku Mazran yang terkorban dalam satu kemalangan jalan raya. Rupa Azfa Hanani amat seiras dengan Tengku Murni. Azfa Hanani menerima tawaran untuk menyamar sebagai Tengku Murni kerana Tengku Mazran berjanji untuk menampung kos rawatan ~~Zurani~~ Zuraini, sepupu Azfa yang lumpuh. Sepanjang penyamarannya, Azfa Hanani diejek dan dihina oleh Datuk Tengku Makmur dan Tengku Muzaffar yang beranggapan Azfa Hanani menyamar demi duit. Azfa Hanani juga berkenalan dengan Ekran yang mempunyai hubungan rapat dengan Tengku Murni. Melalui diari ~~Azfa~~ Tengku Murni, Azfa Hanani mendapati bahawa Tengku Muzaffar yang menghalang hubungan Tengku Murni dan Ekran kerana Ekran miskin. Pertengkaran Azfa Hanani dan Tengku Muzaffar didengar oleh Datin Maziah. Datin Maziah menampar Azfa Hanani dan menghalaunya keluar dari banglo selepas mengetahui identiti sebenar Azfa Hanani. Datuk Tengku Makmur teringat bahawa dialah yang menyebabkan kemalangan keluarga Azfa Hanani 16 tahun yang lalu. Dia memandu dalam keadaan mengantuk dan akibat kelalaiannya, kereta keluarga Azfa Hanani terbabas serta mengakibatkan kematian ibu bapa Azfa Hanani. Datin Maziah seterusnya menjemput Azfa Hanani pulang ke banglo untuk tinggal bersama mereka dengan identiti sebenar Azfa Hanani dan bukannya Tengku Murni.

a) Novel yang telah saya pelajari iaitu Renyah karya Gunawan Mahmood menceritakan tentang seorang tokoh korporat yang berjaya ~~teta~~ yang terpaksa menghadapi pelbagai kerenah anak-anaknya. Datuk Dolhi merupakan seorang tokoh korporat yang terkenal dan telah berkahwin dengan Datin Taminah serta dikurniakan lima orang cahaya mata iaitu Hasnal, Ameera, Ilham, Mukhlis dan Dani. Tanpa pengetahuan keluarganya, Datuk Dolhi telah berkahwin untuk kali kedua dengan Mastura dan dikurniakan seorang cahaya mata iaitu Wahi tetapi Mastura telah meninggal dunia ketika melahirkan Wahi. Kelima-lima anaknya dengan Datin Taminah tidak ada seorang pun yang mengikut jejak langkahnya sebagai Ahli Perniagaan. Antara kerenah anak-anak yang terpaksa dihadapi oleh Datuk Dolhi ialah Hasnol yang bekerja sebagai Pegawai Kerajaan telah menerima rasuah dan telah dapat ditangkap oleh BPR manakala Mukhlis pula terlibat dengan ajaran sesat dan menjadi tidak siuman. Ilham telah mengadakan demonstrasi besar-besaran di Sarawak dan telah diburu oleh pihak berkuasa manakala Dani ~~yang~~ seorang pemuzik rock telah terlibat dengan sindiket penyalahgunaan dadah dan telah ditangkap oleh polis. Berkat kesabaran dan ketabahan Datuk Dolhi, dia berjaya ~~meni~~ menyelesaikan segala masalah yang timbul dalam keluarganya. Wahi juga telah dapat diterima oleh ahli keluarga Datuk Dolhi ~~dan menjadi~~ telah berkahwin dengan gadis Jepun iaitu Yuka. Selepas segala permasalahan yang timbul itu selesai, Datuk Dolhi dan Datin Taminah telah berangkat ke Mekah untuk menunaikan umrah dan ziarah.

a) Berdasarkan novel 'Konserto Terakhir' karya Abdullah Hussain yang saya pelajari ~~pda~~ pada Tingkatan Lima, cerita tersebut merupakan cerita yang menarik.

Pada kemulaannya, Hayati yang sedang belajar piano ternampak Hilmi yang berpakaian kotor berdiri di depan rumahnya. Hilmi memberitahu Hayati bahawa dia ialah abang sepupu Hayati. Hilmi disuruh bekerja di rumah Datuk Johari sedangkan dia tinggal di rumahnya. Hilmi amat suka kepada muzik. Oleh itu, dia belajar muzik daripada En. Bakar. Lama-lama kemudian, Hilmi telah jatuh cinta kepada Hayati tetapi Hayati mempunyai seorang teman lelaki iaitu Mohsin. Datin Salmah tidak suka akan Hilmi dan beliau menegak Hayati daripada berjumpa dengan Hilmi dan menasihatinya untuk berkahwin dengan Mohsin. Hayati berdoa agar dia dapat membuat keputusan dan akhirnya Hayati berkahwin dengan Mohsin. Hilmi berasa sangat sedih dan telah menggubah lagu pertamanya 'Sebuah Intermeso'. Kemudian, Hilmi telah berkahwin dengan ~~Aisyah~~ Azizah dan mempunyai seorang ~~bu~~ anak lelaki. Azizah bercerai dengan Hilmi sebab dia mengingatkan Hilmi tidak dapat melupakan Hayati. Azizah juga memberitahu anaknya bahawa Hilmi seorang bapa yang jahat. Hilmi berasa sedih tetapi dia tidak membuat apa-apa. Dia terus tabah menggubah lagunya. Pada suatu hari, Hilmi telah berjaya mengadakan sebuah konsert di Dewan Canselor Kuala Lumpur tetapi tiba-tibanya dia pengsan dan dihantar ke hospital. Di hospital, Pak Karim memberitahu Datuk Johari bahawa Hilmi ialah anak kandungan Datuk Johari. Datin Salmah berasa sedih kerana dia tidak melayan Hilmi dengan baik. Akhirnya Hilmi telah meninggal dunia dan Datuk Johari juga meninggal dunia selepas mendengar berita tersebut.

Novel yang saya pelajari ialah Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir. Sinopsis novel ini ialah Amira dan kawannya Jacinta menghabiskan masa cuti mereka dengan mengikut ibu Amira, Doktor Zaidah ~~menjejaki~~ menggali arkeologi di Bukit Mat Raya. Amira dan Jacinta mengenali Tau, Ipah, dan Malique dalam penggembaranya. Amira terjatuh ke dalam air apabila mencari Jacinta dan diselamatkan oleh ~~kaum~~ orang asli. Selain itu, mereka bekerjasama mencari Malique yang diculik oleh makhluk berbulu di Gunung Gua Gajah. Doktor Zaidah cedera apabila kereta yang dipandu oleh Pak Lias terbabas. Terdapat seorang Inggeris yang mementingkan diri dengan mencari emas di hutan dan merosakkan alam sekitar di hutan. Cerita ini berakhir dengan mereka berjaya mencari Malique yang hilang dan mereka berasa terkejut apabila mengetahui makhluk berbulu itu ialah Tau. Tau merupakan baba Malique dan Ipah merupakan ibu Malique yang menukarkan nama ke Jeniffer. Nama sebenar Malique ialah Sabi.

(a) ~~Berdasar~~ Sinopsis novel Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah bermula dengan sepasang suami isteri iaitu Salmah dan Mejar (B) Kamarudin. Mereka mempunyai sepasang anak kembar iaitu Rahayu dan Faridah. Pada suatu hari, Mejar (B) Kamarudin telah ditugaskan untuk bekerja di Jakarta dan beliau berkahwin dengan seorang gadis di sana. Rahayu dan Faridah terpisah kerana ayah mereka, Kamarudin mengambil Rahayu untuk hidup bersamanya.

Rahayu membesar dan belajar di Universiti Putera Malaysia dan ~~mem~~ rapat dengan Azrul. Sewaktu belajar di perpustakaan, Rahayu pengsan dan dimasukkan ke dalam hospital. Rahayu menghidap penyakit barah. Faridah terlibat dalam kemalangan dan hanya dapat melihat jenazah Rahayu apabila sedar dari koma. Tidak lama kemudian, ibunya iaitu Salmah meninggal dunia. Faridah kematian suami dan berhijrah ke New Zealand untuk menghadiri kursus. Faridah ditemukan dengan Soleh Johnson dan berkahwin di sana.

Mereka dikurniakan sepasang anak kembar, Melina dan Anne. Melina berkahwin dengan Benny dan Anne berkahwin dengan anak lelaki Azrul. Akhirnya, Faridah dan ~~Sole~~ Soleh kembali menetap di Malaysia. Melina dan Benny menetap di Dubai manakala Anne dan suaminya menetap di Rosewood, Christchurch di New Zealand untuk menjaga ladang.

a) Berdasarkan novel Sutera Dalam Lukisan, ~~sinopsis~~ yang telah saya pelajari, sinopsis novel Sutera dalam Lukisan ~~ia~~ adalah cerita tentang seorang pemuda yang bernama Mohamad ~~Hafiz~~ Hafiz atau lebih ~~d~~ dikenali sebagai Bujei yang mengalami ketidaktentuan serta kecelaruan fikiran selepas kematian ibunya, Fatimah dalam kejadian kebakaran. ~~Bapa tiri Bujei~~, Bujei asyik difitnah dan dipandang rendah oleh penduduk kampung kerana dianggap sebagai penyebab kematian ~~pembunuh~~ ibunya tetapi ~~ia~~ bapa tirinya, Hanun yang merupakan ~~punca~~ penyebab kematian ibunya yang sebenar. Bujei suka duduk ~~di tepi sungai~~ bersendirian di tepi sungai. Sejak kemunculan Adila, nasib Bujei telah berubah. Adila merupakan pelajar universiti luar negara yang tinggal di Kuala Lumpur. Adila telah datang ke kampung Bujei kerana ingin menenangkan hatinya sejak ditinggal oleh bekas tunangnya. Adila tahu bahawa Bujei sebenarnya tidak bodoh dan ingin membantu Bujei ~~ke~~ kembali ~~normal~~ ke keadaan normal. Bujei mendapati bahawa dia telah menaruh perasaan terhadap Adila dan sebaliknya ~~ba~~ juga bagi Adila. Perkara inilah yang menyebabkan Alias marah kerana Alias juga menyukai Adila. Alias telah memikirkan pelbagai cara untuk memisahkan mereka termasuklah menyebarkan fitnah ~~tentang~~ bahawa ~~b~~ badan Adila telah rosak ~~berada~~ kerana pernah berada di luar negara. ~~Kesannya~~ Akhirnya, Bujei semakin pulih atas ~~p~~ bantuan Adila dan Alias yang menjadi semakin gila. ~~Adila telah men~~ dan Adila telah menjadi pensyarah di Kuala Lumpur.

Jawapan ini menunjukkan calon dapat mengemukan sinopsis atau ringkasan cerita yang tepat dengan huraian yang jelas. Jawapan disampaikan menggunakan bahasa yang baik, lancar dan gramatis. Jawapan calon juga menunjukkan penguasaan terhadap susunan jalan cerita dalam novel yang dikaji.

4a) Berdasarkan novel yang telah saya kaji ialah novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof. Novel ini menceriterakan ~~watak Intan~~ ~~[illegible]~~ ~~Julia~~ tentang kehidupan keluarga Intan Julia. Intan Julia merupakan anak kepada Jeffri dan Intan Maliana. Intan Julia ~~[illegible]~~ merupakan seorang yang penyayang. Beliau menjaga Intan Maliana iaitu ibunya yang sedang koma. Di samping itu, Intan Maliana ~~[illegible]~~ pernah kehilangan anak kembar siamnya. Intan ~~[illegible]~~ Julia merupakan seorang pelajar yang bercita-cita untuk menjadi seorang pakar ekonomi pada suatu hari nanti.

(4a) Berdasarkan novel yang telah saya kaji di tingkatan empat iaitu novel Melunas Rindu karya Hartini Hamzah, sinopsis cerita ini menarik perhatian saya.

Fuad mencari ibunya yang dikatakan telah meninggal dunia. Pak Samsudin, jiran Mariah, kakak angkat Mariana, ibu Fuad menyatakan bahawa Mariana masih hidup apabila Fuad mencari ibunya di sungai Klau. Fuad bekerja sebagai seorang guru bahasa Inggeris di sekolah Menengah seri setia dengan Farhana. Ibu Farhana sakit dan Fuad menghantar Farhana ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan. Di situlah Fuad terlihat nama yang tertera di rekod rawatan pesakit ibu Farhana sama dengan nama ibunya, Mariana. Barulah Fuad sedar bahawa ibu Farhana adalah ibu kandungnya dan hasrat Fuad untuk mengahwini Farhana dipendamkan.

Soalan 4: Novel

(a) Sebuah novel yang telah saya pelajari pada Tingkatan 4 ialah Novel Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.

Sinopsis novel cerita bermula dari seorang perempuan yang bernama Azfa Hanani. Dia tinggal bersama dengan keluarga Pak Ciknya. Azfa Hanani memiliki seorang sepupu yang lumpuh, namanya Zuraini. Kehidupan mereka amat susah kerana keluarganya sangat miskin.

Pada suatu hari, seorang lelaki yang bernama Tengku Mazran menemui Azfa Hanani dan memintanya menyamar sebagai adiknya, Tengku Murni yang telah meninggal dunia dalam satu kemalangan kerana kedua-dua mereka bermuka mirip. Tengku Mazran berjanji akan menghantar sepupunya yang lumpuh ke Indonesia untuk diberi rawatan sekiranya dia menyamar sebagai Tengku Murni. Azfa Hanani menerima permintaan itu.

(4a) Berdasarkan sebuah novel yang telah saya pelajari iaitu
Renyah, karya Gunawan Mahmood, sinopsis novel ini ialah mengisahkan
tentang ketabahan seorang ahli tokoh korporat iaitu Datuk Dolhi dalam
menghadapi kerenah anak-anaknya. Datuk Dolhi mempunyai lima orang
anak hasil perkahwinannya dengan Datin Tominah. Anaknya yang sulong,
Hasnol ialah seorang pegawai pentadbiran diplomatik (PPD) dan sudah pun
berkahwin ~~di~~ dengan perempuan yang bernama Linda. ~~dan Perkahwinan~~ Hasil
perkahwinanya bersama Linda dikurniakan seorang anak lelaki. Ilham
pula seorang pejuang alam sekitar. Manakala Mukhlis seorang pendakwah
bebas. Anak perempuan tunggal Datuk Dolhi, iaitu Ameera seorang pendidik.
Anak yang bongsu sekali iaitu Dani seorang penyanyi. Kesemua anaknya
tidak mahu mewarisi Syarikat Dolhi-Albert Holding kerana sayang akan
kerjaya masing-masing. Datuk Dolhi pernah berkahwin dengan seorang
wanita Arab. Malangnya wanita itu meninggal dunia ketika melahirkan
seorang anak lelaki yang diberikan nama Wahi. Wahi dijaga oleh
neneknya semasa kecil dan apabila besar, dia bekerja di Syarikat Dolhi...

(a) Berdasarkan novel 'Konserto Terakhir' karya Abdullah Hussain yang telah saya kaji dalam Tingkatan 5, novel ini menceritakan tentang kegigihan seorang anak muda untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan.

Pada permulaan cerita, Hilmi yang hanya berpendidikan hingga darjah empat sekolah melayu datang ke rumah Datuk Johari untuk mencari pekerjaan. Hilmi bekerja sebagai tukang kebun di halaman rumah Datuk Johari. Semasa Hilmi bekerja, Hilmi terdengar dan tertarik kepada bunyi piano yang dimainkan oleh Hayati. Pada suatu hari, kebetulannya tiada seorang pun di dalam rumah Datuk Johari. Hilmi mengambil kesempatan ini untuk memain piano Hayati tetapi didapati oleh pembantu rumah Datuk Johari. Pada malam berikut, Hayati diminta oleh ibunya untuk memainkan sebuah lagu. Hayati lari ke dalam biliknya sambil menangis kerana mendapati pianonya disentuh orang. Hilmi yang bersalah dihukum dengan memotongkan gajinya.

Jiran Datuk Johari dan kawan-kawan Datin Salmah memuji kerja menghiaskan halaman rumah dan sayur-sayuran Hilmi. Drebar jiran Datuk Johari yang merupakan kawan Hilmi mengenalkan Hilmi kepada Encik Bakar, seorang ahli muzik. Encik Bakar sudi mengajar Hilmi muzik secara percuma. Datuk Johari sekeluarga nak pergi berlancong. Drebar dan pembantu rumah Datuk Johari juga balik kampung. Hilmi diarahkan untuk menjaga rumah. Hilmi pergi belajar muzik daripada Encik Bakar setiap hari. Apabila Hilmi sedang memain piano Hayati, Datuk Johari sekeluarga telah balik dari berlancong. Hayati telah tertarik kepada Hilmi yang memain piano.

(4 a) Novel yang telah saya pelajari dalam Tingkatan 5 ialah Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir.

Watak utama dalam novel ini ialah Amira. Novel ini bercerita tentang pengembaraan Amira semasa cuti sekolah. Pada masa cuti sekolah, Amira ~~mengetahui~~ mengikuti ibunya ~~Proffes~~ Professer Zaidah menjalankan ~~kegiati~~ kegiatan arkeologi di Bukit Mat Raya. ~~Pada penjalan~~ Dalam penjalanannya, Amira berkenalan dengan Jacinta yang berbeza kaum. Mereka menjadi kawan karib walaupun bangsa mereka tidak sama.

Setelah sampai ke kampung orang asli, mereka berkenal dengan Tau dan Itai. Tau dan Itai telah berusaha menyelamatkan Amira ketika dia terjatuh ke dalam sungai yang deras itu semasa berbual - bual dengan Malique.

Selain itu, Tau menyamar sebagai makhluk berbulu ~~dana~~ dan mengarang Malique untuk memastikan Malique sama ada anaknya ataupun tidak. Amira, Jacinta dan Itai gigih berusaha mencari Malique di Bukit Gua Gajah dan mereka berani menentang makhluk berbulu yang sanggup menakutkan mereka.

4(a) Novel yang saya kaji ialah novel Kabus di Perbukitan hasil karya Mohamad Kholid Hamzah.

Sinopsis dalam novel ini ialah pada permulaan cerita, Rahayu pengsan di ~~UKM~~ perpustakaan ~~UKM~~ UPM. Kejadian ini menggemparkan seluruh UKM dan penuntutnya beranggapan bahawa ~~UKM~~ UPM diserang histeria. Pada masa yang sama, Faridah telah terlibat dalam kemalangan jalan raya ~~di~~ antara Bukit Fraser dan Raub. Van yang dipandu Faridah terjunam ke dalam gaung dan operasi pencarian dijalankan untuk mencari Faridah dan Iqbal

Pada pertengahan cerita, Faridah kehilangan orang-orang yang disayanginya. Adik kembarnya, ~~telah~~ Rahayu telah meninggal dunia kerana menderita penyakit kanser, diikuti ibunya, Salmah yang meninggal dunia akibat rindunya kepada Rahayu. Tidak lama selepas itu, suaminya pula meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Kehilangan orang-orang yang disayanginya menyebabkan Faridah ~~berpindah~~ berhijrah ke New Zealand untuk mengikuti kursus.

Pada akhir cerita, Faridah kembali semula ~~ke~~ ke tanah air selepas 25 tahun menetap di New Zealand ~~ker~~ kerana rindu akan tanah air. Perkahwinan antara anak Faridah iaitu Anne dan anak Azrul iaitu Zain telah menyatukan dua keluarga besar ini.

4 a) Novel yang saya baca ialah Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan. Sinopsisnya ialah bapa Bujei terkorban semasa dalam angkatan tentera. Pihak tentera telah memberi emak Bujei, Fatimah sejumlah wang. Fatimah telah pulang ke kampung dan berkahwinan dengan Harun walaupun ramai orang membantah. Selepas berkahwin, Harun telah berubah dan selalu memukul Fatimah dan Bujei. Harun ~~mengguna wang Fatimah~~ ingin mengguna wang Fatimah untuk membeli kereta. Pada suatu malam, Harun tersepak pelita dan kebakaran berlaku. Bujei ingin menyelamatkan emaknya tetapi gagal, akhirnya dia juga pengsan. Harun menfitnah Bujei orang yang menyebabkan kebakaran. Bujei tinggal dengan neneknya. Selepas itu, neneknya pun meninggal. Hal ini telah menyebabkan Bujei menghadapi konflik jiwa. Penduduk kampung menganggap Bujei gila, hanya Sidang Saman sekeluarga tidak. Setelah Adila balik ke kampung, dia ingin menjadikan Bujei normal. Harun ingin Bujei menandatangani sijil penyerahan tanah tetapi Bujei enggan, menyebabkan Bujei dipukul. Alias yang sentiasa membuli Bujei cemburu akan perasaan yang semakin baik antara Adila dengan Bujei. Alias dan neneknya, Opah Arah mengguna khidmat bomoh untuk mendapatkan Adila, tetapi gagal dan menyebabkan Alias sakit. Adila membawa Bujei ke pasar. Bujei telah membeli radio tetapi dirosakkan oleh Alias. Bujei ingin Alias membayar ganti rugi dan menahan motosikalnya. Akhirnya, Alias membayar ganti rugi.

Calon berprestasi sederhana masih menepati kehendak soalan. Sinopsis yang dikemukakan kurang lengkap  Sinopsisnya agak ringkas dan kurang merangkumi keseluruhan cerita. Penyampaian dan penggunaan bahasa masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa.

4a

Berdasarkan novel yang saya kaji ialah Papa.... Sinopsis ialah kasih sayang dalam keluarga. Buktinya papa ialah Jefri yang sanggup meneman mama ialah Intan Marliana yang sedang koma dan Jefri. sanggup berbual-bual dengan mama yang sedang koma.

Novel yang dikaji di Tingkatan 4 ialah Melunas Rindu karya Hartini Hamzah.

Sinopsis yang terdapat novel ini ialah Fuad dapat bertemu dengan ibunya Mariana dan berjumpa semula dengan adiknya iaitu Farhana. Azmi seorang guru saudara dan mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris.

4a. - Novel yang saya pelajari ialah Azfa Hanani. Sinopsisnya. Azfa sanggup kasih sayang terhadap keluarga di kampung dan terpaksa tinggal di banglo Datin Maziah, di Bandar.

Kedua, Azfa sanggup berkorban menyamar sebagai Tengku Murni demi menyelamatkan Datin yang sakit jiwa.

4a - Novel yang saya kaji ialah Renyah .
Sinopsis Renyah adalah hubung kait
antara keluarga dan juga bersama-sama
kawannya. Dalam novel Renyah saya dpt
teladankan Pujei kerana beliau seorang
yang tidak putus asa. Beliau seorang.
yang sabar hadapi ujian hidup, seperti
Datuk dan Datin sayangkan anak-anaknya
dan telah menunjukkan kasih sayang
pada keluarga.

---

4a =

Terdapat sinopsis dalam novel
Konserto Terakhir. sebagai contoh,
Hilmi seorang yg tabah menghadapi
dugaan hidup apabila direndah-rendahkan
martabatnya oleh Datin Salmah.
Selain itu, Hilmi pandai dalam
ilmu muzik.

---

4a.

Novel yang dikaji ialah Kembar Amira. Terdapat
tema dalam novel yang dikaji iaitu kesanggupan remaja
mencari pengalaman yang mencabar untuk manfaatkan
cuti sekolah.
Nilai kasih sayang Prof Zaidah memelai dan
memeluk Amira kerana Amira bersedih -

Novel yang saya kaji ialah Kabus Diperbukitan.
Rahayu pengsan di perpustakaan dan dihantar ke hospital. Rahayu ada penyakit kanser. Faidah & Iqbal kemalangan. Bujei Faidah & pasukan bomba tidak dapat cari Faidah oleh sebab ada masalah. Rahayu bagi tahu tempat kemalangan ialah Bukit Fraser. Rahayu meninggal dunia, semasa Faidah koma. Ibu Faidah juga meninggal dunia. Suami Faidah, Ghazali juga meninggal dunia.

Novel Sutera Dalam Lukisan mengisahkan Bujei yang baik hati. Alias akhirnya menjadi seorang gila kerana Alias berpura-pura dengan Bujei. cakap Adila berjangkit penyakit dari Bujei. Tetapi Bujei bila tahu hal ini, menjauh dari Adila. Adila cakap dengan Bujei sebenarnya Alias cemburu. Kesimpulannya, Bujei dan Adila jadi pasangan hidup mesra dan erat tetapi Alias sudah menjadi orang gila.

Calon berprestasi rendah tidak memahami kehendak soalan. Calon menjawab bukan dalam bentuk peristiwa dan teladan, tetapi dalam bentuk lain seperti perwatakan, nilai murni atau latar masyarakat. Terdapat calon kumpulan ini mempamerkan mutu jawapan yang terlalu umum , ringkas dan tidak lengkap serta penggunaan bahasa yang lemah.

**Soalan 4(b)**

**Soalan 4 : Novel**

[15 *markah*]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof

(ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

(iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah

(iv) Renyah karya Gunawan Mahmood

(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

(vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir

(vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

(viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(*b*) Pengarang mewujudkan peristiwa-peristiwa yang dapat dijadikan teladan oleh pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **tiga peristiwa** yang dapat dijadikan teladan.

4 (b) Berdasarkan novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof, yang telah saya kaji, terdapat beberapa peristiwa yang dapat dijadikan teladan. Antaranya ialah, Intan Julia gigih mengulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan SPM yang akan datang. Dari peristiwa ini, kita dapat mencontohi sikap Intan Julia yang membuat persiapan awal untuk peperiksaan penting. Selain itu, Intan Julia tidak memilih kawan. Intan Julia tetap berkawan dengan Rasylan meskipun sudah mengetahui kisah silamnya yang ditinggalkan di rumah JKM. Dalam peristiwa ini, kita boleh mengejaki sikap Intan Julia yang tidak memandang siapa Rasylan pada masa lalu. Akhir sekali, Intan Julia menghormati keputusan papa untuk mengahwini Aisyah. Meskipun Intan Julia tidak bersetuju, tetapi dia sanggup membenarkan papanya berkahwin lain untuk kebahagiaan papanya. Sikap ini dapat dijadikan teladan kerana sebagai seorang anak, kita tidak boleh mementingkan diri sendiri.

4b) Berdasarkan novel yang saya kaji dalam tingkatan 4 iaitu Melunas Rindu karya Hartini Hamzah, terdapat beberapa peristiwa yang dapat dijadikan teladan oleh pembaca.

Pertama, peristiwa (seorang lelaki yang tabah) ~~Fuad tabah mencari ibunya~~ mencari ibunya yang telah lama hilang~~nya~~. Contohnya, Fuad tabah mencari ibunya, Mariana walaupun mengambil masa yang sangat panjang. Namun, akhirnya Fuad menemui ibunya di Hospital Tengku Ampuan Afzan. Peristiwa ini mengajar pembaca supaya menjadi lebih tabah dalam mengharungi (cabaran) hidup

Kedua, peristiwa seorang guru yang prihatin terhadap anak muridnya. Contohnya, Farhana merupakan seorang guru yang prihatin kerana mengadakan kelas tambahan Bahasa Inggeris untuk anak~~nya~~ muridnya yang lemah. Peristiwa ini mengajar pembaca menjadi lebih prihatin terhadap orang lain.

Ketiga, peristiwa seorang lelaki yang begitu taat dengan perintah agama. Contohnya, Fuad rajin menunaikan solat berjemaah di surau. Fuad juga rajin mempelajari Al-Quran dengan Pak Ismail. Peristiwa ini mengajar pembaca supaya taat kepada perintah agama walaupun sibuk mengejar dunia.

b) Berdasarkan novel yang saya pelajari, iaitu "Azfa Hanani" karya Halis Azhan Mohd Hanafiah, terdapat banyak peristiwa yang dapat dijadikan teladan.

Peristiwa yang pertama ialah Azfa Hanani sanggup berkorban untuk menerima tawaran penyamaran sebagai Tengku Munni yang seiras wajahnya dan telah meninggal dunia. Hal ini demikian kerana Azfa Hanani begitu menyayangi sepupunya, Zuraini, yang lumpuh dan sanggup mengorbankan diri supaya sepupunya dapat menerima rawatan di Indonesia tanpa tanggungan besar daripada Pak Long. Peristiwa ini menjelaskan bahawa kita harus memikirkan kepentingan orang lain dan membalas jasa orang yang berbudi kepada kita.

Peristiwa yang kedua ialah Azfa Hanani sering beribadat pada waktu malam. Azfa Hanani seorang yang taat akan perintah agama dan sering mendekati diri kepada Tuhan. Dia juga berdoa dan membaca al-Quran untuk ibu bapanya yang telah meninggal dunia. Peristiwa ini memberikan teladan kepada kita supaya mentaati perintah agama yang juga diperuntukkan dalam Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan.

Peristiwa yang ketiga ialah ~~ketabahan yang ditunjukkan oleh~~ Datuk Tengku Makmur dan Tengku Muzaffar insaf akan kesalahan sendiri. Tengku Muzaffar mengakui kesalahannya tentang perbuatan membakar gerai burger Ekran. Dia berasa insaf kerana memandang rendah orang miskin. Tengku Muzaffar juga tolong membina gerai yang baru untuk Ekran. Datuk Tengku Makmur juga insaf ~~ak~~ atas perbuatannya memandu dalam ~~kaaa~~ keadaan penat sehingga mengakibatkan kemalangan jalan raya yang meragut nyawa ibu bapa Azfa Hanani. Dia menebus kesalahan dengan berjanji menyusui Azfa Hanani. Pada akhir cerita, Azfa Hanani juga dijemput tinggal bersama mereka di banglo dengan identiti sebenar. Peristiwa ini harus dijadikan teladan kepada kita supaya berani mengakui kesalahan diri dan insaf akan perbuatan diri yang tidak betul.

(b) Novel yang saya kaji ialah Renyah karya ~~Gt~~ Gunawan Mahmood. Antara peristiwa yang dapat dijadikan teladan adalah semasa Hasnol berjumpa dengan ayahnya. Hasnol ingin meminta wang kerana tidak cukup wang. Hasnol bekerja sebagai Pegawai di pejabat sahaja tetapi dia sering ~~tt~~ berbelanja mewah. Teladan yang saya dapati di sini ialah kita mestilah berbelanja mengikut kemampuan kita.

Seterusnya, peristiwa yang dapat ambil sebagai teladan ialah semasa Datuk Dolhi sakit. Datuk Dolhi pergi berjogging dengan rakannya iaitu Albert Lee. Semasa berjogging, Datuk Dolhi mengalami serangan jantung. Perkara itu telah merisaukan Albert Lee. Albert Lee menasihati Datuk Dolhi untuk menjaga kesihatannya. Apa yang saya dapati ialah kita mestilah prihatin terhadap rakan yang sakit atau dalam kesusahan.

Selain itu, peristiwa yang saya dapati ialah semasa Datuk Dolhi menceritakan hal sebenar kepada Wahi. Datuk Dolhi ~~me-~~ memberitahu bahawa Wahi ~~it~~ merupakan anaknya. Wahi tidak terkejut keran dia sudah mengetahui hal sebenar sejak kecil lagi. Teladan yang saya dapati kita mestilah jujur dalam semua perkara supaya hidup akan menjadi tenang.

Berdasarkan novel Konserto Terakhir, peristiwa penting yang boleh jadi teladan ialah ketika Hilmi dilempar kata-kata kesat. Hilmi hanya berdiam dan sabar dengan tuduhan itu. Peristiwa boleh jadi teladan kerana dia meninggalkan ketabahan Hilmi menempuh hidupnya. Berkat kesabaran dia berjaya.

Seterusnya peristiwa Hilmi rajin belajar main muzik dan akhirnya berjaya menjadi pemuzik terkenal. Teladannya ialah pembaca harus mencontohi kegigihan dan kerajinan Hilmi menempuh dugaan dan kemudian menjadi tersohor.

Peristiwa ketiga ialah apabila En Bakar rasa simpati dengan nasib Hilmi lalu sanggup mengajar Hilmi bermain piano tanpa sebarang balasan. Kejujuran dan keikhlasan ini patut dijadikan teladan kepada pembaca.

4b Tiga peristiwa yang boleh dijadikan teladan dalam Kembara Amira ialah peristiwa Amira yang terjatuh ke dalam sungai dan diselamatkan oleh Tau. Teladannya ialah tolong-menolong mengeratkan persaudaraan.

Terdapat teladan bekerjasama dalam novel ini apabila Amira, Jacinta, Pak Lias bekerjasama mencari Malique yang hilang dengan memanjat Gunung Gua Gajah, dan masuk ke dalam gua yang dipenuhi tahi kelawar.

Teladan lain ialah bagaimana kita menghargai jasa seseorang. Ini dibuktikan apabila Amira sanggup mengikut Tau masuk ke dalam hutan, di kawasan lombong emas, semata-mata hendak mengambil seketul batu kuartza untuk dihadiahkan kepada Jacinta yang sudi membantu ibunya buat kajian arkeologi.

(4b) Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah. Terdapat beberapa peristiwa yang dapat dijadikan teladan.

Antaranya, apabila ~~Faridah~~ van yang dipandu Faridah terbabas masuk gaung. Dari sini, kita perlu sentiasa berhati-hati ~~a~~ dalam apa jua keadaan kerana malang tidak berbau.

Seterusnya, apabila Rahayu meninggal di sebelah katil Faridah. Ibu mereka pula meninggal kerana terlalu rindukan Rahayu. Kita perlu sentiasa bersyukur ~~dan me~~ kerana diberikan peluang untuk hidup. Kita juga perlu menyayangi sesama darah daging kerana bila-bila masa nyawa mereka boleh diambil.

Akhir sekali, ketika Benny ~~melaki~~ melarikan diri ke Dubai untuk mengelakkan diri dikesan pihak Interpol. Benny disyaki terlibat dalam militan yang diketuai Atar yang merupakan ~~sahabat~~ sahabat karibnya. Dari sini, kita perlu bijak memilih kawan agar tidak ditarik ke jalan yang sesat yang boleh menyusahkan kita.

(ii) Novel yang telah saya kaji ialah Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan. Peristiwa pertama yang dapat dijadikan teladan oleh pembaca ialah Adila yang menjaga Bujei sehingga Bujei pulih daripada konflik jiwa. Melalui peristiwa ini, kita boleh ~~teladani~~ mempelajari daripada Adila supaya tidak memandang rendah orang kurang upaya. Adila bukan sahaja tidak pandang rendah Bujei manakala berjanji untuk mengubatinya sehingga dia pulih. Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Wat Senin menyerah balik tanah pusaka arwah Fatimah iaitu ibu Bujei kepada Bujei. Melalui peristiwa ini, kita dapat mempelajari nilai baik hati. Wat Senin bukan sahaja tidak membolot ~~harta~~ tanah pusaka arwah ibu Bujei, malah menolong Bujei mengendali tanah itu dengan baik ~~sepan~~ selepas kematian ibu Bujei. Peristiwa yang ketiga ialah peristiwa Bujei membalas Alias yang merosakkan radio baharunya. Melalui peristiwa ini, kita dapat mempelajari nilai keberanian. Bujei telah mempunyai keberanian untuk membalas Alias setelah lama dibuli oleh Alias.

Calon dapat mengemukakan tiga peristiwa yang boleh dijadikan teladan oleh pembaca dengan jelas dan tepat. Terdapat calon yang mampu memberikan peristiwa dengan huraian yang panjang. Calon dapat menghubungkan peristiwa yang dinyatakan berserta unsur teladan yang relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

4b - Novel yang telah saya pelajari ialah 'Papa... (akhirnya kau tewas jua)'. karya Deana Yusof. Dalam novel ini, beberapa peristiwa telah saya dapati untuk menjadikan sebagai teladan.

Jeffri yang tabah untuk menghadapi pelbagai cabaran merupakan peristiwa yang pertama untuk saya dijadikan sebagai teladan. Isteri Jeffri, Intan Maliana telah koma dan anak kembar yang baru dilahirkan itu telah mati dalam satu hari yang sama. Dengan menghadapi cabaran yang tegas ini, Jeffri tabah untuk menghadapinya. Jeffri tidak pernah mengadu-adukan semasa menjaga isterinya yang koma itu. Jeffri juga memikul tanggungjawab untuk membesar Intan Julia seorang.

Di samping itu, Intan Julia mendengar nasihat bapanya, Jeffri untuk melanjutkan pelajaran dan memutuskan hubungan dengan Kasylan merupakan peristiwa yang kedua yang boleh saya dijadikan sebagai teladan. Intan Julia menerima nasihat daripada bapanya untuk masa hadapannya yang lebih terang.

4 b) Berdasarkan sebuah novel yang saya pelajari di Tingkatan 4 iaitu Meluras Rindu karya Hartini Hamzah, terdapat beberapa ~~per~~ peristiwa yang dapat dijadikan teladan. Pertama sekali, kasih sayang seorang anak angkat kepada keluarga angkat. Sebagai contoh, Fuad sangat sayang akan Mak Salmah dan Pak Ismail sehinggakan dia membelikan sebuah tanah daripada Awang Sojar dan menamakannya atas nama Pak Ismail. Selain itu, Fuad juga membelikan sebuah motosikal untuk kegunaan Pak Ismail dan Mak Salmah. Tambahan pula, peristiwa tentang seorang guru yang menjalankan tugasnya dengan tidak amanah seperti Cikgu Zamani yang sering tidak masuk ke kelas pada waktu yang sepatutnya. Oleh itu, kita hendaklah menjadi seperti Farhana yang bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang guru dan berusaha untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam matapelajaran Bahasa Inggeris.

(4b) Novel yang saya pelajari ialah "Azfa Hanani" karya Halis Azhan Mohd Hanafiah. Dalam novel ini terdapat banyak ~~novel~~ peristiwa yang dapat dijadikan teladan.

Salah satu peristiwa ialah peristiwa Datin Maziah, ibu Tengku Murni tidak membenar dia pergi ke sekolah dengan menaiki bas. Sebagai ibu, Datin Maziah menyayangi anaknya dengan tidak membenarkan anaknya pergi ke sekolah dengan menaiki bas. Hal ini sebab, dia bimbang akan keselamatan anaknya.

peristiwa yang dapat dijadikan teladan ialah peristiwa Azfa Hanani sanggup menyamar sebagai Tengku Murni. ~~Az~~ Contohnya, Azfa Hanani sanggup menyamar sebagai Tengku Murni untuk meringankan beban Pak Long dan Mak Longnya yang menanggung kos kehidupannya. Selain itu, Azfa Hanani ingin mendapatkan kos rawatan untuk merawat sepupunya, Zuraini yang lumpuh.

Peristiwa terakhir ialah peristiwa Azfa Hanani gigih dalam penyamarannya. ~~Dalam~~ Semasa Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni, dia tidak disenangi dan dikhianat oleh abang Tengku Murni, Tengku Muzaffar. Walau bagaimanapun, Azfa Hanani gigih dan tabah untuk memikul tugas penyamarannya.

(b) Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu Renyah hasil karya Gunawan Mahmood, antara peristiwa yang dapat dijadikan teladan ialah peristiwa dimana Hasnol telah menerima rasuah daripada Tengku Munir untuk meluluskan projek demi untuk mendapatkan duit yang banyak untuk membawa anak isterinya ke luar negara. Peristiwa ini menjadi teladan kerana kita seharusnya amanah dalam menunaikan tanggungjawab dan tidak pentingkan diri sendiri demi kepentingan sendiri.

Peristiwa kedua dimana Wahi mengaplikasikan semua pengajaran yang dia dapat sewaktu di Jepun kerana dihantar oleh Datuk Dolbi ke sana untuk mengetahui kemajuan perniagaan disana ke dalam perniagaan mereka. Peristiwa ini menjadi teladan kerana menunjukkan bahawa Wahi bertanggungjawab dalam tugasnya.

(v)
(b) Berdasarkan novel Konserto Terakhir, karya Abdullah Hussain peristiwa ialah ~~berusaha~~ gigih ~~berusa~~ berusaha untuk mencapai kejayaan. Contohnya, Hilmi belajar dengan bersungguh-sungguh hingga menjadi seniman tanah air yang terkenal.

Peristiwa kedua ialah memberi pertolongan. ~~Enc~~ Contohnya, Encik Bakar menolong Hilmi dengan mengajar cara bermain alat-alat muzik dan menggubah lagu secara percuma tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

Peristiwa ketiga ialah miskin dan tidak berpendidikan. Contohnya, Hilmi dari rumah miskin dan hanya bersekolah sehingga darjah empat telah datang ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan. Akhirnya Hilmi telah bekerja sebagai tukang kebun di rumah Datuk Johari.

(b) Terdapat novel Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir. Novel peristiwa yang dapat dalam novel itu ialah ~~Ipah~~ Amira. Amira bersama R Jacinta dan Pak Lias membantu Roslan mencari Maliqud yang hilang. Selain itu, apabila waktu terluang, Amira dan Jacinta akan membantu ibunya mencari barangan artifak. Seterusnya, Amira sanggup ke Bukit Mat Raya membantu ibunya yang sedang membuat kajian arkeologi tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi. Di samping itu, Amira sanggup selalu pergi ke Bukit Mat Raya menemui ibunya apabila ibunya membuat kajian arkeologi.

4b Berdasarkan novel yang telah saya kaji di tingkatan lima iaitu, Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah, terdapat banyak peristiwa yang dapat dijadikan ~~oleh~~ teladan oleh pembaca.

Peristiwa pertama ialah, kehilangan Benny yang melarikan diri ke ~~Duda~~ Dubai kerana ~~ta~~ dikejar oleh pihak Interpol. Peristiwa ini ~~bo~~ boleh kita teladani agar tidak terlibat dengan ~~perjuag~~ ~~perjuogan~~ perjuangan untuk menyebarkan agama secara kekerasan dan radikal.

Peristiwa kedua ialah, kepulangan Faridah dan suaminya Soleh Johnsons ke Malaysia selepas dua puluh lima tahun menetap di New Zealand. Peristiwa ini ~~wajar~~ boleh diteladani kerana peristiwa ini menunjukkan bahawa Faridah mempunyai jati* diri yang kuat. Walaupun dia telah ~~se~~ menetap di New Zealand selama dua puluh lima tahun, dia tetap tidak menukarkan kewarganegaraannya dan kembali ke tanah air.

4 b) Novel yang saya kaji ialah Sutera dalam lukisan yang ditulis oleh karya Abd. Talib Hassan. Terdapat tiga peristiwa yang dapat dijadikan teladan. Peristiwa yang tidak beputus asa untuk memulihkan seseorang. Contohnya, Adila tidak beputus asa untuk memulihkan Bujei ~~yang~~ menjadi normal. Peristiwa tersebut telah memberikan semangat yang tidak putus asa untuk dijadikan teladan oleh pembaca. Selain itu, peristiwa seseorang membuli orang yang lemah. Contohnya, Alias merosakan radio baru yang dibeli oleh Bujei. Peristiwa tersebut telah dijadikan teladan oleh pembaca kerana Alias suka membuli orang yang ~~le~~ lemah. Peristiwa yang menyelamatkan ibunya. Contohnya, Bujei menyelamatkan ibunya ketika rumah mereka terbakar tetapi ~~tidak~~ gagal ~~lulus~~. Peristiwa ini menjadikan teladan kepada pembaca kerana seseorang anak ingin menyelamatkan ibunya tetapi gagal.

Calon ini masih dapat menyatakan tiga peristiwa yang betul namun tidak dapat menghubungkannya dengan teladan yang sesuai. Terdapat juga calon yang gagal mengemukakan tiga peristiwa dan teladan seperti yang dikehendaki. Calon juga melakukan kesalahan bahasa yang ringan.

4b : Berdasarkan sebuah novel yang dikaji : Papa. Tiga peristiwa yang dapat dijadikan teladan ialah meminta ilmu. Contohnya Intan Julia belajar bersungguh-sungguh dan mendapat keputusan SPM yang cemerlang dan melajutkan pelajaran ke UIA.

Selain itu kasih sayang. Buktinya Intan Marliana sanggup berkorban nyawanya untuk mengandung kedua kali demi mendapat anak.

4a.

Dalam peristiwa yang terdapat dalam novel Melunas Rindu adalah Fuad merupakan seorang yang rajin. berusaha mencari ibunya yg tlh hilang di tempat tinggalnya namun ibunya diketahui. belum mati. Selain itu, guru₂ harapkan Farhana dan Fuad berjaya dalam pelajaran. ~~yang~~ Selain itu, Peter Lim adlh merupakan seorang ayah kepada Fuad.

4b Berdasarkan novel yg dikaji, Novel Azfa Hanani terdapat peristiwa yg dijadikan teladan iaitu sikap Azfa Hanani mendoakan kesejahteraan pak long dan mak longnya dikampung.

4b

Saya ingin menjelaskan bahawa Datuk Dolhi ada 5 orang anak dalam permasalahan. Pertama Hasnol terlibat dengan rasuah, kedua Ilham lari ke Perancis. Ketiga Mukhrih jadi gila dan melepak. Amira jadi Gugul. Dan Dani jadi Penyanyi Rock. Tetapi Datuk Dolhi seorang ayah yang baik kerana Hasnol dijamin oleh Datuk Dolhi. Teladannya sikap itu sangat penting.

7b- Terdapat 3 peristiwa menarik pada novel Konserto Terakhir Sebagai contoh encik Bakar meninggal dunia setelah menerima ~~berita~~ bahawa Hilmi telah meninggal dunia. Selain itu Hilmi ~~tabah~~ hadapi ujian walaupun dipandang hina oleh Datin Salmah. Seterusnya Hilmi tabah menghadapi ujian dengan bercucuk tanam di halaman rumah Datuk Johari.

Peristiwa Amira dihanyutkan oleh arus yg deras. Ibu Amira amat susah hati. Akhirnya Pak datang membantu menyelamatkan Amira.

Peristiwa lain ialah Abu Lias & Prof Zaidah mengalami kemalangan. Tau sentiasa bantu rawat Prof Zaidah.

4b.

· Peristiwa pertama dalam novel ini ialah Soleh Johnsons ialah seorang bertanggung jawab. Walaupun anak-anaknya tidak suka belajar, dia masih memberi pendidik yang baik untuk anak-anak. Soleh Johnsons mengingat adiknya tinggal di Malaysia, walaupun tinggal di New Zealand 25 tahun.

Peristiwa kedua ialah Farhana. Dia seorg tabah walaupun tinggal di New Zealand 25 tahun, tapi dia masih ingin balik Malaysia.

4b- Dalam novel Sutera Dalam Lukisan, Bujei berusaha selamatkan maknya dari kebakaran. Bujei juga telah berani menuntut Alias menggantikan radionya yang rosak.

Teladannya ialah kita jangan buat keputusan terburu-buru tanpa berfikir. dan kita mesti mengelakkan diri dari melakukan perkara yang bertentangan dengan agama kita.

Jawapan calon pendek atau terlalu ringkas. Terdapat fakta yang tidak tepat. Jawapan juga menunjukkan bahawa calon tidak mengingati jalan cerita atau tidak memahami kandungan novel yang dikaji. Terdapat calon yang tidak mengemukakan sinopsis atau ringkasan cerita seperti yang dikehendaki tetapi menulis huraian perwatakan sahaja. Bahasa yang digunakan juga tidak gramatis.

## SARANAN KEPADA CALON

1. Banyakkan latihan.
2. Latihan berfokus kepada format soalan peperiksaan yang sebenar.
3. Membina kumpulan perbincangan dalam pembelajaran.
4. Menguasai teknik menjawab soalan.
5. Menggunakan perkataan dan ayat sendiri semasa menjawab soalan pemahaman.
6. Membiasakan menjawab soalan dengan meletakkan diri anda sebagai orang yang berperanan sebagai orang yang melaksanakan sesuatu.
7. Jumlah markah pada setiap soalan perlu dijadikan panduan semasa menjawab.
8. Membaca dengan teliti dan memahami dengan jelas setiap arahan soalan.
9. Menguasai perbendaharaan kata dan asas tatabahasa.
10. Menguasai sistem ejaan bahasa Melayu.
11. Menjadikan Kamus Dewan dan Tatabahasa Dewan sebagai rujukan.
12. Membaca buku teks komponen sastera dan menguasai isi kandungannya.
13. Membaca dan memahami isi kandungan dua buah novel yang dikaji mengikut aspek kajian komponen sastera.
14. Banyakkan membaca akhbar dan majalah ilmiah untuk menambahkan kemahiran berfikir aras tinggi.
15. Menjadikan kamus peribahasa sebagai rujukan tambahan agar dapat menguasai aspek peribahasa.
16. Digalakkan menghadiri seminar atau kem bahasa semasa cuti sekolah bagi menambahkan ilmu dalam kebahasaan.
17. Digalakkan membaca dan meneliti jawapan yang terbaik yang dihasilkan oleh kalangan murid sebagai panduan diri untuk menjawab soalan.
18. Sentiasa berfikiran terbuka untuk membaca novel yang dipelajari semasa berada di tingkatan empat dan lima.

## SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan bahan pelajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbar, majalah dan sebagainya.
2. Sentiasa mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran kendiri.
3. Menguasai format dan teknik menjawab soalan yang betul.
4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjut berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
5. Sentiasa merujuk buku Tatabahasa Dewan.
6. Sentiasa menggunakan kamus dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
7. Teks komsas perlu diberikan penekanan terutama aspek kajian sastera yang dijadikan soalan peperiksaan.
8. Soalan-soalan yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi perlu diperbanyakkan supaya pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas.
9. Guru perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran yang terkini.
10. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang mencapai tahap peperiksaan sebenar atau dapat menguasai JSI.
11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini.
12. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea.
13. Menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
14. Laporan Kupasan Mutu Jawapan Calon terbitan LPM mesti dihayati oleh semua guru Bahasa Melayu.
15. Membentuk “ Future Classroom “ dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.
16. Guru Bahasa Melayu wajib menjadi pemudahcara di dalam kelas.
17. Guru Bahasa Melayu wajar banyak membina item yang meletakkan murid berperanan sebagai pelaku utama untuk melaksanakan sesuatu usaha atau menyelesaikan sesuatu masalah.
18. Guru Bahasa Melayu wajar menjadi pemeriksa kertas Bahasa Melayu bagi menambahkan kompetensi terhadap mata pelajaran yang diajar.
19. Guru Bahasa Melayu digalakkan mengadakan penandaarasan ke sekolah lain khusus dalam aspek pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Bahasa Melayu.
20. Guru Bahasa Melayu wajar menghadiri seminar atau bengkel atau kovensyen yang berkaitan dengan kebahasaan di pelbagai peringkat bagi menambahkan ilmu.